

**MENGAJI REKABENTUK KANDUNGAN ANIMASI
2D ADAT PERPATIH BAGI UPACARA MEMINANG**

NURUL SYAZWANI BINTI ABD.GHANI

C17A0439

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**MENKKAJI REKABENTUK KANDUNGAN ANIMASI
2D ADAT PERPATIH BAGI UPACARA MEMINANG**

NURUL SYAZWANI BINTI ABD. GHANI

C17A0439

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda Teknologi
Kreatif dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

Syazwani



NURUL SYAZWANI BINTI ABD.GHANI

TS. DR. ANUAR BIN MOHD YUSOF

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tarikh: 15 JULAI 2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

Syazwani

Tandatangan

Nama Pelajar : NURUL SYAZWANI BINTI ABD.GHANI

No Matrik : C17A0439

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tandatangan Penyelia

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh: 15 JULAI 2021

PENGHARGAAN

Assalamualaikum. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ts. Dr. Anuar Bin Mohd Yusof selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Abd.Ghani Bin Hassan dan Nor Azura Binti Selamat yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih juga kepada adik-beradik, keluarga dan juga sahabat di atas doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

MALAYSIA

KELANTAN

**MENGENAL REKABENTUK KANDUNGAN ANIMASI
2D ADAT PERPATIH BAGI UPACARA MEMINANG**

ABSTRAK

Penyelidikan dan kajian ini adalah bertujuan untuk mencari kaedah dan cara untuk memahami dengan lebih mudah dan mendalam mengenai adat meminang di Negeri Sembilan. Adat Perpatih merupakan satu adat di Malaysia yang diajar dan dimasukkan di dalam pembelajaran sejarah di sekolah menengah selain Adat Temenggung. Setiap masyarakat terutamanya anak jati Negeri Sembilan itu sendiri perlu mengambil tahu mengenai Adat Perpatih kerana adat ini merupakan adat yang diturunkan dan diamalkan sejak dahulu lagi oleh masyarakat Negeri Sembilan. Tambahan pula, adat ini semakin mula dilupakan dan tidak diamalkan oleh masyarakat terutamanya golongan muda. Selain itu, penggunaan kaedah medium 2 dimensi (2D) ini juga adalah satu cara untuk menarik minat masyarakat untuk mengetahui dan lebih mengenali berkaitan adat di Negeri Sembilan iaitu Adat Perpatih kerana ianya dalam bentuk visual. Oleh itu, dengan terhasilnya animasi dua dimensi (2D) ini, diharapkan agar ianya menjadi sumber rujukan kepada masyarakat untuk mendapatkan informasi yang sahih dan betul dan semoga ianya dapat mengubah persepsi dan tanggapan yang salah masyarakat terhadap Adat Perpatih selama ini.

Kata kunci: Sejarah, Adat, suku, meminang, perkahwinan, Animasi, 2 Dimensi

ABSTRACT

This research is aiming to find a suitable method and suitable ways to understand with more easy and detailed about the Negeri Sembilan engagement tradition in Adat Perpatih. Adat Perpatih is a custom in Malaysia that has been taught and included inside Malaysia history learning in secondary school besides Adat Temenggung. Furthermore, each community especially Negeri Sembilan's native themselves need to know about Adat Perpatih because this custom has been revealed and practiced since long ago by its community. In addition, this custom has been started to be forget and not to be practiced anymore by community especially the youngsters. Therefore, the usage of this 2 Dimension (2D) medium method is one way to attract public interest to know and get to know more about this custom in Negeri Sembilan which is so called known as Adat Perpatih from in this visual form. Thus, with the result this 2 Dimension (2D) animation, hopefully that it will be a resource full of reference for public to get authentic and right information and hopefully it is not going to be a bad assumption or wrong perceptions from others about Adat Perpatih all this time.

Keyword: history, Custom, tribes, Engagement, Marriage, Animation, 2 Dimension

SENARAI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Isi Kandungan	
	Abstrak	
1	BAB 1: PENGENALAN 1.0 Pengenalan 1.1 Latar Belakang Kajian 1.2 Permasalahan Kajian 1.3 Objektif Kajian 1.4 Persoalan Kajian 1.5 Hipotesis 1.6 Skop Kajian 1.7 Kepentingan Kajian 1.8 Struktur organisasi kajian 1.9 Kesimpulan	 1-4 4 5-6 6 6 7 7 8-9 10 10
2	BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS 2.0 Pengenalan 2.1 Definisi 2.2 Latar belakang Teori / Konsep 2.3 Model / Teori yang digunakan 2.4 Kajian Lepas/ kajian literatur 2.5 Kesimpulan	 11 11-15 16 16-19 20-28 29
3	BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN 3.0 Pengenalan 3.1 Kaedah kajian 3.1.1 kaedah kualitatif 3.2 Teknik Pengumpulan data 3.2.1 Sumber Primer 3.2.2 Sumber Sekunder 3.3 Carta aliran penyelidikan 3.4 Carta Gant 3.5 Kesimpulan	 30 30 31 32 33 34 35

4	<p>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</p> <p>4.0 Pengenalan 36</p> <p>4.1 Analisis Data 37</p> <p> 4.1.1 Demografi 37-40</p> <p> 4.1.2 Pengetahuan Responden Terhadap Adat Meminang 40-44</p> <p> 4.1.3 Persepsi Responden Terhadap Adat Perpatih 45-49</p> <p> 4.1.4 Soal Selidik mengenai Adat Perpatih 49- 63</p> <p>4.2 Pembangunan Produk 63</p> <p>4.2.1 Pra Produksi 63-87</p> <p> 4.2.1.1 Sinopsis</p> <p> 4.2.1.2 Pembangunan Karakter</p> <p> 4.2.1.3 Pemilihan Bentuk Karakter</p> <p> 4.2.1.4 Pemilihan Akhir Watak</p> <p> 4.2.1.5 Ekspresi Wajah Karakter</p> <p> 4.2.1.6 Pembangunan Naratif Papan Cerita</p> <p> 4.2.1.7 Skrip Animasi</p> <p> 4.2.1.8 Rekabentuk Konsep</p> <p> 4.2.1.9 Penghasilan Animasi 2D</p> <p>4.2.2 Pasca Produksi 88-90</p> <p> 4.2.2.1 Penyuntingan Video Animasi 2D 90</p> <p>4.3 Kesimpulan</p>	
5	<p>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</p> <p>5.0 Pengenalan 91</p> <p>5.1 Cadangan 91</p> <p> 5.1.1 Peranan media massa</p> <p> 5.1.2 Peranan Masyarakat 92</p> <p>5.2 Kesimpulan 93</p> <p>RUJUKAN 94-95</p>	



SENARAI RAJAH

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
2.3.1	Lima fasa Model Addie	17
3.3.1	Carta Aliran Pennyelidikan	33
4.1.1.1	Carta Umur responden	37
4.1.1.2	Carta Jantina responden	38
4.1.1.3	Carta status responden	38
4.1.1.4	Carta pekerjaan responden	39
4.1.1.5:	Carta Jenis Suku responden	39-40
4.1.2.1	Soalan berkaitan dengan penglibatan responden dalam adat pinang-meminang	40-41
4.1.2.2	Soalan mengenai kefahaman terhadap proses upacara adat meminang	41
4.1.2.3	Soalan mengenai adakah terdapat masyarakat yang masih mengamalkan adat perpatih	42
4.1.2.4	Soalan mengenai adakah responden pernah melihat peralatan ketika majlis pinang-meminang	43
4.1.2.5	Soalan mengenai pendapat responden terhadap adat perpatih, adakah ia patut diteruskan oleh generasi masa kini	44
4.1.3.1	Carta mengenai adakah responden tahu sedikit sebanyak mengenai Adat Perpatih	45
4.1.3.2	Carta mengenai pendapat responden tentang relevan atau tidak adat perpatih diamalkan pada masa kini	46
4.1.3.3	Carta mengenai adakah responden masih mengamalkan adat perpatih	47
4.1.3.4:	Carta mengenai adakah keluarga atau kenalan responden masih mengamalkan adat perpatih	48

4.1.3.5	Carta mengenai setuju atau tidak adat perpatih perlu diperkenalkan melalui semua platform kepada generasi pada masa kini	49
4.1.4.1	Soalan berkaitan dengan Adat perpatih	50
4.1.4.2	Soalan bagaimanakah turutan adat istiadat perkahwinan dalam adat perkahwinan	50
4.1.4.3	Soalan mengenai adakah masih terdapat masyarakat yang masih mengamalkan Adat Perpatih	51
4.1.4.4	Soalan mengenai kesan jika larangan perkahwinan sesama suku dilanggar oleh mana-mana pihak	51-52
4.1.4.5	Soalan mengenai siapakah yang memainkan peranan dalam upacara perkahwinan	52
4.1.4.6	Soalan mengenai berapakah jumlah suku di Negeri Sembilan	53
4.1.4.7	Soalan mengenai adakah terdapat pengamal adat perpatih di negeri-negeri lain selain di Negeri Sembilan	53-54
4.1.4.8	Soalan mengenai apakah proses upacara adat pinang-meminang	54
4.1.4.9	Soalan mengenai bagaimanakah proses upacara adat pinang-meminang	55-56
4.1.4.10	Soalan mengenai siapakah yang memainkan peranan besar dalam adat pinang-meminang	56

4.1.4.11	Soalan mengenai peranan Tua kadim, Besar, Buapak dan Lembaga	57
4.1.4.12	Maksud Ahli seperut	58
4.1.4.13	Maksud Semenda	58
4.1.4.14	Soalan mengenai adakah masih terdapat masyarakat yang mengamalkan adat pinang-meminang di daerah Jelebu	59
4.1.4.15	Soalan mengenai apakah peralatan yang kebiasaannya digunakan dalam adat pinang-meminang	59
4.1.4.16	Soalan mengenai fungsi peralatan berkenaan	60
4.1.4.17	Soalan mengenai apakah jenis pakaian yang digunakan oleh pihak lelaki dan perempuan ketika adat ini berlangsung.	60-61
4.1.4.18	Soalan mengenai susunan yang betul dalam menyediakan tepak sirih	61
4.1.4.19	Soalan mengenai perbezaan tepak sirih dan bujam epok	62
4.1.4.20	Soalan mengenai dimanakah ketika itu bakal pengantin lelaki dan juga bakal pengantin perempuan ketika istiadat meminang dilaksanakan	62
4.2.1.2.1	Pembangunan Bentuk Karakter	64-65
4.2.1.3.1	pemilihan Bentuk Karakter	66-67
4.2.1.4.1	Pemilihan Akhir Karakter	68
4.2.1.5.1	Ekspresi wajah karakter	69-70
4.2.1.6.1	Pembangunan Naratif Papan Cerita Skrip	71-74 75-80
4.2.1.8.1	Rekabentuk konsep	81-83
4.2.1.9.1	Penghasilan Animasi 2D di Adobe Premier Pro	84-87
4.2.2.1.1	Penyuntingan Video Animasi 2D	88-90

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Negeri Sembilan Darul Khusus merupakan satu negeri yang terletak di pantai barat semenanjung Malaysia yang berdekatan di antara negeri Selangor, Johor, Melaka dan juga Pahang. Ibu negeri Negeri Sembilan terletak di Seremban dan bandar dirajanya terletak di Sri Menanti di dalam daerah Kuala Pilah. Negeri Sembilan merupakan negeri yang satu-satunya mengamalkan Adat Perpatih manakala di negeri lain mengamalkan Adat Temenggung. Menurut Rosiswandy Mohd. Salleh (2017), keunikan nama Negeri Sembilan terletak pada namanya iaitu angka sembilan dan berbeza dengan negeri-negeri yang lain yang ada di Malaysia. Menurut beliau lagi, Adat Perpatih hanya diamalkan di Negeri Sembilan, Nanning Melaka, dan penduduk Minangkabau di Kampung Lukut, Kota Tinggi Johor.

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang sangat berpegang kepada adat kerana bagi mereka, “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah”. Masyarakat di negeri ini mengamalkan Adat Papatih sebagai teras budaya dan amalan dalam kehidupan seharian mereka. Adat Papatih merupakan satu aset yang telah dipelihara sehingga kini.

Pada asalnya, penduduk asli Negeri Sembilan adalah orang asli dari suku kaum Semai, Semelai dan Jakun. Mereka hidup dengan memburu, mencari hasil hutan dan hidup secara berpindah randah. Pada abad ke-14, orang-orang dari Sumatera dari Minangkabau telah mula tiba di Negeri Sembilan. Berlakulah perkahwinan campur antara orang asal negeri sembilan dan orang

dari Minangkabau dan akhirnya keturunan mereka dipanggil dengan nama suku Biduanda. Suku Biduanda juga merupakan pewaris asal Negeri Sembilan.

Terdapat beberapa suku lain di negeri sembilan iaitu Batu Hampar, Mungkal, Sri Lemak, Paya Kumbuh, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu. Kebiasaannya masyarakat melayu di negeri sembilan dikelaskan mengikut nenek moyang mereka. Pengkelasan ini dikenali dengan nama suku. Ia terbentuk daripada kelompok keturunan dari sebelah ibu. Ini bermakna, jika ibunya adalah bersuku Biduanda, maka anak-anaknya juga merupakan suku Biduanda.

Dari segi adat, Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih. Perkataan Adat diambil dari perkataan Arab yang bermaksud kebiasaan. Istilah ini membawa kepada maksud yang sangat meluas seperti satu bentuk perbuatan atau tingkah laku manusia yang wujud dan diamalkan begitu lama dan telah dianggap sebagai tradisi. Adat merupakan satu kebiasaan, peraturan, hukum, resam dan norma yang diangkat dan dijunjung oleh sekelompok masyarakat. Adat juga merujuk kepada hukum adat dan undang-undang yang merangkumi banyak perkara seperti sosial, politik dan juga ekonomi. Adat Perpatih yang diamalkan di negeri Sembilan sedikit berbeza dengan Adat Perpatih orang Minangkabau di Sumatera. Hal ini demikian kerana, adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Nanning adalah gabungan adat antara yang diamalkan di Minangkabau dengan adat penduduk setempat yang berasaskan hukum syarak. Maka terdapat kelainan unsur adat di wilayah-wilayah tersebut dengan yang di Minangkabau yang mengandungi unsur-unsur berdagang, merantau dan berhijrah.

Masyarakat Negeri Sembilan terkenal dengan keunikan mengenai adat resam misalnya adat istiadat pertunangan dan juga perkahwinan. Selepas proses merisik (risik dan duai) dan setelah seia sekata pihak perempuan menerima cincin tanya pihak lelaki, dimulakan pula peringkat pinang-meminang yang disebut menghembur merebat atau menyawar. Dalam Adat Pinang-meminang, terdapat dua istilah yang digunakan iaitu, adat menghantar tanda atau cincin dan adat menerima tanda atau cincin. Antara peralatan yang digunakan ialah cincin sebetuk, pakaian seperlulusan (pakaian bagi seorang perempuan selengkapnya), tepak sirih ataupun dipanggil bujam epok, dan adat pusaka yang berupa wang sebanyak RM48. Cincin pinangan atau cincin tanda itu sebetuk sahaja, tetapi ada juga di tempat-tempat tertentu di Negeri Sembilan menggunakan dua bentuk cincin. Cincin itu, seperti juga cincin tanya iaitu cincin (emas) belah rotan. Cincin tanda ini diikat dengan benang semperona (sempewarna) biasanya di buat daripada tiga warna, iaitu merah, putih dan hitam. Warna ini tidak ditetapkan. Setelah cincin itu diikat, dimasukkan ke dalam cembul yang dialas dengan kain baldu atau kertas merah dan dihiasi dengan bunga rampai.

Adat istiadat perkahwinan dalam Adat Perpatih juga disebut sebagai adat semenda menyemenda. Perkahwinan dalam Adat Perpatih bukan sahaja mengeratkan hubungan antara lelaki dan juga perempuan, malah ianya juga merupakan penyatuan pertalian antara dua keluarga, dua ruang, dua rumpun, dua perut dan juga dua suku. Selain larangan perkahwinan berdasarkan hukum syarak, perkahwinan masyarakat Adat Perpatih juga mempunyai larangan berdasarkan adat iaitu larangan berkahwin sesama suku. Adat juga melarang poligami sesuku iaitu seorang lelaki yang berkahwin dengan dua atau lebih perempuan daripada suku yang sama.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Terdapat beberapa orang pengkaji telah mengkaji mengenai Adat Perpatih. namun tiada sesiapa lagi yang mengkaji salah satu adat resam di dalam Adat Perpatih misalnya adat pinang-meminang dan adat perkahwinan dengan menggunakan medium animasi 2 Dimensi (2D). Maka, pengkaji mengambil keputusan untuk membuat kajian mengenai Adat yang kian ditelan zaman ini. Pengkaji telah memilih satu adat resam yang terdapat dalam Adat Perpatih iaitu adat memininang.

Oleh itu, kajian ini amat penting bagi saya untuk memartabatkan kembali adat resam yang makin dilupakan oleh masyarakat terutamanya golongan muda kini. Diharapkan agar dengan penghasilan animasi 2D ini mampu membantu masyarakat untuk lebih mengenali kembali adat yang kian dilupakan ini. Hal ini demikian kerana, animasi mampu membantu seseorang untuk lebih cepat memahami sesuatu perkara itu dengan lebih pantas. Menurut Beak & Layne, (1998), Reiber & McCuiston (1991), beberapa kajian mendapati pelajar yang belajar melalui animasi menunjukkan peningkatan pemahaman yang lebih baik berbanding pelajar yang belajar melalui *visual static*.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam setiap kajian, pasti ada beberapa masalah. Antara masalah yang dihadapi adalah kurangnya penekanan yang dijalankan oleh para pengkaji mahupun penggiat industri dalam mengkaji dan membina animasi berbentuk sejarah. Hal ini demikian kerana pendidikan melalui visual merupakan salah satu cara yang efektif kepada masyarakat dalam memahami sesuatu fakta dan ilmu pengetahuan. Kita boleh lihat dalam kajian Yuhanis Mohd. Nasir et. al (2016), mereka berpendapat bahawa sesuatu cerita boleh disampaikan dengan pelbagai cara seperti teks bacaan, secara lisan, dan paparan audio visual. Menurut mereka lagi, dalam kajian yang di buat oleh Mohd Izani dan Aisyah (2003), satu produk yang dibangunkan dalam bentuk animasi 3D untuk tujuan keberkesanan penyampaian cerita rakyat melayu tradisional dibangunkan melalui perisian digital. Kita boleh lihat, bahawa masyarakat lebih cepat memahami sesuatu maklumat dan cerita melalui animasi 2 dimensi (2D) dan 3 dimensi (3D).

Selain itu, banyak kajian dilakukan hanyalah dalam bentuk penulisan semata-mata termasuklah kajian mengenai Adat Perpatih. Tidak dinafikan, terdapat banyak animasi yang dimasukkan dengan unsur-unsur cerita rakyat misalnya di dalam filem *Upin & Ipin* keris siamang tunggal yang dikeluarkan oleh syarikat Les Copaque Production pada tahun 2019 seperti *Bawang Merah dan Bawang Putih*, *Mat Jenin*, *batu belah batu bertangkup*, *Si Tanggang*, dan *Raja Bersiong*. Namun, tiada animasi dua dimensi yang berunsurkan adat dan sejarah sesuatu tempat seperti adat Perpatih dibina oleh mana-mana penggiat industri di Malaysia. Namun begitu, masih ada filem seperti 'This is Pilah' iaitu sebuah filem komedi yang diarahkan oleh Rosdi Md Dali yang mengangkat tema adat, kemasyarakatan dan disuntik dengan penggunaan dialek Negeri Sembilan. Dalam filem ini, banyak diketengahkan mengenai isu-isu adat terutama isu perkahwinan.

Masyarakat di negara Asia terutamanya tidak mengetengahkan nilai tradisional dan budaya masyarakat dalam bentuk animasi. (Rall, 2011). Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan membina sesuatu yang berbentuk visual iaitu animasi dua dimensi bagi memudahkan masyarakat di Negeri Sembilan lebih cepat memahami apa itu Adat Perpatih dan bagaimana bentuk adat meminang di Negeri Sembilan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang perlu dicapai dalam kajian ini iaitu:

- I. Menenal pasti proses upacara adat pinang-meminang dalam adat Perpatih
- II. Mereka bentuk satu animasi dua dimensi berkaitan dengan adat pinang-meminang dalam Adat Perpatih.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan mengenai kajian ini, Antaranya adalah:

- I. Bagaimanakah proses upacara dan adat pinang-meminang dalam adat Perpatih?
- II. Bagaimanakah animasi dua dimensi berkaitan dengan adat pinang-meminang dalam adat Perpatih dapat dihasilkan?

1.5 HIPOTESIS

Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat, penggunaan animasi 2D yang berunsurkan sejarah dan adat resam seperti Adat Perpatih ini mampu menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali adat-adat selain dapat menambah pengetahuan setiap masyarakat yang hidup bermasyarakat dan berbilang kaum yang ada di Malaysia. Selain memperkenalkan Adat Pinang-meminang ini kepada masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Sembilan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah tertumpu kepada konsep sejarah. Hal ini demikian kerana, animasi yang berkonsepkan sejarah sangat berkurangan atau ianya boleh dikatakan tidak ada dalam mana-mana animasi dalam industri tempatan. Walaupun begitu, konsep sejarah banyak dijadikan dalam bentuk komik pembelajaran di sekolah menengah. Ia dihasilkan bertujuan bagi memudahkan para pelajar mudah memahami sesuatu tanpa membaca teks yang panjang. Kajian ini pula akan tertumpu kepada Adat dan upacara peminangan dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Selain itu, kajian ini akan tertumpu kepada 30 orang responden bagi mendapatkan maklumat mengenai Adat Pinang-Meminang dalam Adat Perpatih. Pengkaji juga akan mendapatkan maklumat tentang pendapat responden terhadap Adat Perpatih dan memberikan soalan kaji selidik kepada pegawai di Lembaga Muzium Negeri Sembilan bagi mendapatkan maklumat yang sahih tentang adat pinang-meminang, seterusnya membolehkan pengkaji untuk menghasilkan animasi dua dimensi berkaitan adat Pinang-Meminang dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Hal ini juga bertujuan untuk memudahkan masyarakat lebih memahami dan mendalami sejarah dengan lebih mudah.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidik mendapati ada beberapa kepentingan dalam kajian ini antaranya adalah:

1.7.1 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG

Animasi yang berkonsepkan sejarah ini mampu dikembangkan lagi dalam pelbagai tajuk terutamanya mengenai sejarah negara Malaysia dan diharapkan agar ianya dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang melalui kaedah visual.


1.7.2 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA PENGGIAT INDUSTRI

Penyelidik berharap, dengan pembangunan animasi dua dimensi (2D) yang berkonsepkan sejarah ini, ia mampu dijadikan rujukan kepada penggiat industri lain untuk menghasilkan lebih banyak lagi animasi yang berkonsepkan sejarah. Hal ini kerana, sejarah kini banyak dilupakan oleh masyarakat. Sejarah tidak lagi diambil tahu terutamanya oleh golongan muda. Sejarah hanya diingati sewaktu bulan kemerdekaan dan semasa pembelajaran di sekolah sahaja. Jika ditanya berkaitan sejarah, kebanyakan mereka sudah lupa. Maka, diharapkan kajian ini dapat membuka mata penggiat industri seperti syarikat animasi untuk membina dan membangunkan animasi yang berkonsepkan sejarah dan adat yang ada di negara kita iaitu Malaysia.

MALAYSIA
KELANTAN

1.7.3 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA MASYARAKAT

Pembinaan animasi dua dimensi ini adalah lebih kepada konsep sejarah. Melalui animasi ini, masyarakat mampu memahami sejarah dengan lebih mudah dan jelas. Manakala ianya juga mampu dijadikan sumber rujukan untuk subjek sejarah di sekolah menengah dan juga digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat di samping menambah pengetahuan mengenai adat di Negeri Sembilan. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji dengan lebih mendalam lagi berkaitan dengan adat Pinang-meminang dalam Adat Perpatih. Sudah tentu masyarakat di Negeri Sembilan tahu mengenai adat ini, jika tidak, banyakan bertanya dan ambil tahu tentang adat negeri kelahiran sendiri. Tambahan pula, tidak semua masyarakat di Negeri Sembilan masih mengamalkan Adat Perpatih terutamanya golongan muda yang tidak didedahkan dengan amalan Adat Perpatih. Hanya beberapa golongan atau orang lama sahaja yang masih mengamalkan dan mempunyai ilmu berkaitan adat ini. Kesannya masyarakat kurang berpengetahuan dan ambil kisah terhadap adat ini. Ramai masyarakat telah meniru gaya barat dan telah jauh meninggalkan adat yang telah wujud setelah sekian lama. Oleh sebab itu, pengkaji akan sedaya upaya untuk membantu sedikit sebanyak dalam menghasilkan sebuah animasi mengenai adat Pinang-meminang dalam Adat Perpatih untuk masyarakat lebih mendalami perihal adat turun temurun ini.



1.8 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Struktur organisasi kajian ini akan merangkumi tiga bahagian iaitu bab satu, bab dua dan bab tiga. Antara perkara yang akan dibincangkan dalam bab 1 ini adalah bermula dengan pengenalan mengenai tajuk kajian. Selain itu, dalam bab ini, akan dibincangkan mengenai permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, dan organisasi penulisan akan diletakkan pada akhir bab ini. Di dalam bab ini juga akan disertakan dengan pelbagai sumber rujukan yang diperolehi daripada sumber ilmiah.

Dalam bab dua pula, adalah perbincangan mengenai sorotan kajian lepas. Antaranya adalah pengenalan dan sorotan kajian lepas/ kajian literatur. Dalam bab 2 ini juga, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai definisi adat, sejarah, suku, kaum, perkahwinan, Ibu Soko, animasi dan juga dua dimensi selain menghuraikan mengenai teori yang akan digunakan oleh pengkaji.

Dalam bab tiga pula akan dibincangkan tentang kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam penulisan ini. Kaedah kajian yang akan digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu yang berbeza dan berbanding dengan kaedah kuantitatif.

Dalam Bab 4 dan 5 pula, akan dihuraikan mengenai analisis data dan pembangunan projek dan juga cadangan dan kesimpulan keseluruhan kajian ini.

1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini perlu dilaksanakan memandangkan wujudnya ruang kosong dalam kajian animasi dua dimensi (2D) berbentuk sejarah terutama mengenai adat lama ini. Diharapkan juga, di dalam huraian dan maklumat dalam bab satu ini akan menjadi panduan kepada pengkaji bagi menjalankan kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan definisi-definisi yang sesuai dengan tajuk kajian yang dipilih. Pengkaji akan menerangkan secara terperinci berkaitan dengan kajian lepas yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Di samping itu juga, ia bertujuan dijadikan sebagai bukti kukuh bagi membantu sesebuah kajian mendapatkan rujukan yang tepat.

2.1 DEFINISI

SEJARAH

Secara umumnya, sejarah merupakan sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu. Perkataan sejarah diambil daripada perkataan arab iaitu “Syajaratun” yang bermaksud pokok. Ianya juga dikaitkan dengan riwayat, salasilah asal usul dan juga keturunan. Selain itu, sejarah dalam bahasa Inggeris dipanggil history bermaksud cerita mengenai atau tentang seseorang. Perkataan history diambil daripada bahasa Yunani iaitu historia yang bermaksud penyelidikan. Sejarah adalah satu ilmu yang diperolehi melalui penemuan, penyiasatan, pengumpulan maklumat terhadap sesuatu peristiwa masa lalu atau masa lampau. Sejarah dapat diketahui melalui peninggalan-peninggalan masa lalu yang boleh dilihat pada masa kini. Seseorang yang menulis berkaitan dengan sejarah dipanggil sebagai Sejarawan. Sejarawan ialah ahli sejarah yang menyelidik rekod-rekod lalu dan memuatkan dapatan kajian mereka di dalam bentuk buku, monograf atau makalah.

ADAT

Perkataan adat berasal daripada bahasa arab iaitu “Adah” yang bermaksud cara atau kebiasaan. Istilah tersebut telah dijadikan istilah melayu maka wujudlah perkataan adat. Adat bermaksud suatu peraturan yang telah diamalkan secara turun temurun sejak dahulu kala lagi di dalam sesebuah masyarakat. Ia juga didefinisikan sebagai suatu cara yang sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Menurut kefahaman masyarakat melayu, adat bukan sahaja bermaksud upacara atau istiadat, malah ia merupakan suatu sistem hidup yang menyeluruh seperti sistem sosial, perundangan dan juga kepercayaan. Oleh itu, secara keseluruhannya, adat merupakan sesuatu peraturan yang telah diamalkan oleh sesebuah masyarakat sejak zaman berzaman lagi.

ADAT PERPATIH

Adat Perpatih adalah adat yang diamalkan hanya di Negeri Sembilan. Istilah Adat Perpatih dikatakan diambil daripada gelaran Datuk Perpatih Nan Sebatang iaitu salah seorang anak kepada seorang pembesar di Sumatera. Datuk perpatih Nan Sebatang dikatakan telah mendapat wilayah kurniaan di kawasan pedalaman seperti di Minangkabau. Terdapat banyak perbezaan antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung dari segi politik, ekonomi dan juga sosial.

PERTUNANGAN

Pertunangan adalah satu perjanjian untuk mendirikan rumahtangga melalui orang perantara yang biasanya diadakan di dalam sebuah majlis meminang. Selain itu, Pertunangan adalah muqaddimah kepada perkahwinan iaitu dengan melamar seorang wanita untuk dijadikan bakal isteri atau meminta persetujuan kepada pihak wanita untuk menjadi isteri kepada pihak lelaki. Bertunang juga membawa makna menzahirkan dan mengiklankan kehendak ataupun kemahuan seseorang lelaki untuk berkahwin dengan seseorang wanita.

PERKAHWINAN

Perkahwinan bermaksud hubungan yang terikat di antara lelaki dan juga perempuan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa sivil atau disahkan oleh kepercayaan dan agama masing-masing. Menurut perkahwinan dalam Islam, perkataan perkahwinan ataupun nikah adalah bermaksud berkumpul dan bercampur. Dalam istilah syarak pula iaitu Ijab dan Qabul (akad) iaitu yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan juga perempuan yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah, menurut peraturan yang telah ditentukan dalam Islam. Perkahwinan juga merupakan suatu amalan yang dituntut dalam agama Islam. Dalam perkahwinan terdapat dua aspek utama dalam sesuatu upacara perkahwinan iaitu keagamaan dan juga kebudayaan. Pelaksanaan dari segi aspek keagamaan hampir sama dalam kalangan masyarakat di setiap negeri. Manakala perkahwinan dari aspek kebudayaan pula bahagian yang merealisasikan adat istiadat masyarakat yang melaksanakannya. Istiadat perkahwinan yang diamalkan oleh pengamal adat perpatih adalah berbeza antara negeri yang lain.

IBU SOKO

Ibu Soko adalah wanita atau perempuan yang berilmu dan berpengalaman luas tentang sesuatu peradaban dan kehidupan yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan. Soko pula bermaksud pusaka yang telah diamalkan dan digunakan dalam kehidupan seharian sepanjang masa. Dalam Adat Perpatih, Ibu Soko dipilih berdasarkan pengalaman, ilmu, pengetahuan, dan kepakarannya dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, adat, dan juga sosial. Ibu soko dianggap sebagai perpustakaan bergerak untuk dijadikan rujukan kepada masyarakat dan Ibu Soko yang dilantik paling ramai adalah seramai tiga orang sahaja dalam sesuatu suku. Dalam adat perkahwinan Adat Perpatih, pengesahan Ibu Soko adalah penting. Buapak dan Ibu Soko akan sering diperlukan dalam adat perkahwinan tersebut. Selain istilah Ibu Soko, di daerah lain ada yang menggunakan istilah Ibu Waris ataupun Waris pesaka. Manakala di Inas yang terletak di daerah Johol Negeri Sembilan, menggunakan istilah Bentara Betina. Namun, fungsi Ibu Soko telah mula kabur selepas Tanah Melayu telah dikuasai oleh penjajah luar. Maka yang masih mengamalkan adat ini adalah berkurangan.

SUKU

Suku atau suku sakat adalah puak atau sekumpulan manusia yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Ia mempunyai bentuk sosial yang tersendiri sejak dahulu lagi. Dalam amalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan, terdapat beberapa jenis suku dan setiap orang mempunyai suku masing-masing. Antaranya ialah Tanah Datar, Seri Lemak, Batu hampar, Mungkah, Anak Melaka, Seri Melenggang, Payakumbuh, Tigo nenek, Tigo Batu, Batu Belang, Anak Aceh dan Biduanda. Suku Biduanda merupakan suku asal atau penduduk asal Negeri Sembilan.

ANIMASI

Perkataan animasi (animation) berasal dari perkataan latin yang membawa maksud dihidupkan. Animasi juga didefinisikan sebagai satu cara atau proses menghidupkan atau menggerakkan sesuatu yang statik agar kelihatan seperti hidup dan bergerak. Pergerakan animasi terbina dengan paparan gambar atau frame secara berterusan. Menurut Norhayati Che Hat et.al. (20113), animasi adalah salah satu elemen yang menarik masa kini kerana ianya mampu menzahirkan fantasi manusia ke alam realiti. Animasi terbahagi kepada beberapa jenis, antaranya ialah stop motion, animasi dua dimensi, dan animasi tiga dimensi.

ANIMASI DUA DIMENSI

Animasi dua dimensi (2D) adalah penghasilan gambar sesuatu objek yang memiliki panjang dan lebar. Animasi 2D kebiasaannya dipanggil sebagai animasi tradisional. Selain itu, animasi 2D adalah penghasilan gambar bergerak dalam lingkungan dua dimensi. Hal ini demikian kerana watak yang dihasilkan adalah tidak terlalu realistik jika dibandingkan dengan animasi 3 dimensi (3D)

2.2 LATAR BELAKANG TEORI / KONSEP


Teori boleh dimaksudkan dengan kumpulan idea, fakta, fenomena atau peristiwa yang boleh digunakan untuk menjelaskan sesuatu topik yang tertentu. Teori juga adalah satu rumusan daripada pengetahuan sedia ada yang memberi panduan untuk menjalankan penyelidikan dan mendapatkan maklumat baru. Menurut Ott dan Mack (2014), teori adalah satu alat penerangan dan tafsiran yang membolehkan seseorang itu memahami sesuatu.

Kegunaan teori dalam penyelidikan sangat berfungsi dalam memberi gambaran awal atau pandangan yang tersusun kepada pengkaji bagi memudahkan pengkaji mengumpul maklumat dan menganalisis data dengan sebaik mungkin. Dalam kajian ini, pengkaji akan memilih teori pembelajaran seperti model Addie sebagai teori yang akan digunakan nanti. Hal ini demikian kerana teori ini lebih terperinci dan berorientasikan sistem penghasilan sesuatu reka bentuk yang bersesuaian dengan kajian pengkaji iaitu untuk membuat satu animasi 2D.

2.3 MODEL / TEORI YANG DIGUNAKAN

MODEL ADDIE

Model Addie adalah suatu model reka bentuk yang berfungsi sebagai garis panduan dan rujukan ke arah pembinaan perisian dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Model Addie ini diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. Model ini kebiasaannya menjadi asas kepada model reka bentuk pengajaran yang lain. Tujuan utama model Addie adalah untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran agar penyampaian sesuatu pelajaran itu akan menjadi lebih efektif dan efisien. Terdapat lima fasa yang terdapat di dalam model Addie iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan juga penilaian.



RAJAH 2.3.1 : LIMA FASA MODEL ADDIE

FASA 1 ANALYSIS (ANALISIS)

Pada fasa ini, ia melibatkan beberapa proses penentuan dan mengenal pasti masalah yang ingin diselesaikan. Selepas sesuatu masalah telah dikenal pasti proses analisis akan dilaksanakan untuk mencari punca atau faktor yang berkaitan atau yang akan menimbulkan masalah tersebut. Proses analisis ini melibatkan pelbagai aspek seperti analisis terhadap pengguna, persekitaran pembelajaran dan matlamat pengajaran. Dalam fasa ini, pengkaji akan mengkaji tahap kefahaman masyarakat terhadap Adat Perpatih dan matlamat pengkaji adalah untuk mendidik terutamanya golongan muda tentang budaya Adat Perpatih ini dengan lebih mudah dengan menggunakan pendekatan animasi 2 dimensi agar masyarakat tidak melupakan adat dan budaya ini yang telah di amalkan sejak sekian lama lagi.

FASA 2 DESIGN (REKA BENTUK)

Fasa reka bentuk dilaksanakan selepas proses analisis selesai. Fasa ini akan menjelaskan pandangan keseluruhan mengenai rupa bentuk struktur, pendekatan teori, teknologi dan jenis media yang akan digunakan. Fasa ini penting untuk merancang strategi pembangunan pengajaran dan bagaimana untuk mencapai matlamat pengajaran. Dalam penghasilan animasi pendek 2D langkah pertama yang perlu dilakukan adalah dengan mereka bentuk watak, struktur naratif, reka bentuk prototaip dan sebagainya.

FASA 3 DEVELOPMENT (PEMBANGUNAN)

Peringkat ini melibatkan pembinaan sebenar sesuatu projek dengan menggunakan semua elemen media dan teknologi yang dipilih berdasarkan keperluan. Menerusi peringkat ini juga, produk yang akan dihasilkan iaitu animasi 2D dihasilkan mengikut turutan bermula dengan menggunakan reka bentuk papan cerita yang telah di buat pada fasa dua, mereka bentuk watak, latar belakang dan banyak lagi. Fasa pembangunan merupakan elemen penting dalam penghasilan animasi 2D.

FASA 4 IMPLEMENTATION (PELAKSANAAN)

Bahan pengajaran (projek) yang telah dihasilkan akan digunakan atau dilaksanakan dalam keadaan sebenar. Projek yang telah dihasilkan ini akan diuji kepada pengguna sebenar untuk mengenal pasti sebarang kesilapan semasa proses pembangunan projek berlaku. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pembaikan akan dilakukan sebelum diberikan kepada pengguna yang disasarkan iaitu kepada masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Sembilan untuk digunakan.

FASA 5 EVALUATION (PENILAIAN)

Fasa ini merupakan fasa terakhir dalam model Addie. Fasa penilaian ini terbahagi kepada dua iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif merangkumi setiap fasa dalam proses ADDIE. Penilaian formatif perlu dilakukan terhadap semua peringkat untuk memastikan keberkesanannya.

Manakala penilaian sumatif pula hanya melibatkan reka bentuk pengujian yang spesifik yang memerlukan maklum balas oleh pengguna seperti isi kandungan, elemen multimedia melalui kaedah temu bual soal selidik, penyeliaan dan pengujian, dan strategi. Penilaian suamtif kebiasaannya berlaku di peringkat akhir sesuatu projek penghasilan bahan pengajaran diselesaikan.

Jelaslah bahawa, model Addie merupakan model yang sesuai digunakan oleh pengkaji dalam membangunkan sesuatu produk. Hal ini demikian kerana, model Addie mempunyai fasa utama yang sangat relevan yang mempunyai kaitan antara satu sama lain. Selain itu, struktur model Addie ini adalah lebih sistematik dan tersusun. Pengkaji lebih memilih untuk menggunakan model ini berbanding model lain untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam menghasilkan animasi 2D yang berkaitan dengan adat perkahwinan dalam Adat Perpatih.



2.4 KAJIAN LEPAS/KAJIAN LITERATUR

Pada bab ini akan dibincangkan mengenai kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan adat perkahwinan di dalam Adat Perpatih dan juga serba sedikit sejarah berkaitan dengan Adat Perpatih. Melalui kajian ini juga, diharapkan agar ianya dapat membantu pengkaji untuk mengkaji berkaitan dengan Adat Perpatih dengan lebih mendalam.

Jurnal pertama yang menjadi pilihan pengkaji untuk dijadikan rujukan adalah sejarah pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh Rosiswandy Mohd. Salleh (2017) dalam kajian ini, beliau mengkaji dengan lebih mendalam bagaimana Adat Perpatih boleh wujud di Negeri Sembilan dan apakah sejarah kedatangannya? Dalam kajian ini juga, Rosiswandy Mohd. Salleh mengkaji ciri-ciri yang ada dalam Adat Perpatih seperti sistem pentadbiran, sistem suku, pengamalan Adat (kebudayaan), hukum harta pusaka, dan kepentingan kaum wanita dalam Adat Perpatih.

Mengikut kajian yang di buat oleh Rosiswandy Mohd. Salleh, Adat Perpatih di Negeri Sembilan sedikit berbeza jika dibandingkan dengan Adat Perpatih di Minangkabau, Sumatera. Hal ini demikian kerana berlaku penyesuaian Adat Perpatih dengan adat dan amalan orang asal yang mengamalkan adat tempatan.

Menurut Norhalim Ibrahim dalam kajian Rosiswandy Mohd. Salleh (2017), orang Minangkabau berhijrah melalui dua tahap. Tahap yang pertama berlaku pada abad ke-13 iaitu penghijrahan yang bersifat sementara. Manakala penghijrahan tahap kedua berlaku pada abad ke-14 Masihi dan seterusnya. Penghijrahan orang MINangkabau ke wilayah-wilayah luar adalah disebabkan konsep adat mereka sendiri sejak zaman- berzaman lagi untuk mencari kediaman baharu selain mencari rezeki dan harta.

Menurut kajian Rosiswandy Mohd. Salleh (2017) lagi, ketua pentadbiran yang tertinggi di Negeri Sembilan ialah Yang di- Pertuan Besar Negeri Sembilan dan mempunyai beberapa luak ataupun daerah. Terdapat empat buah luak utama yang diketuai oleh seorang Undang iaitu Luak Sungai Johol, Luak Rembau, Luak Johol dan Luak Jelebu. Manakala luak lain diketuai oleh seorang Penghulu. Empat luak utama ini bertanggungjawab melantik Yang di- Pertuan Besar, jawatan Undang dilantik oleh Lembaga Adat dan Lembaga Adat dilantik oleh Buapak dan seterusnya Anak Buah. Sistem ini dianggap satu kaedah demokrasi.

Menurut cerita Tempatan, dalam kajian Rosiswandy Mohd. Salleh (2017), orang asli merupakan penduduk awal di Negeri Sembilan. Mereka duduk dalam sekelompok kecil dan diketuai oleh seorang yang digelar 'Batin'. Mereka semua mengamalkan kepercayaan Animisme. Orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan telah berkahwin dengan wanita Orang asli dan orang Minangkabau telah mengislamkan mereka. Masyarakat orang asli Jakun yang telah menganut agama Islam diberi gelaran baru iaitu orang Biduanda. Orang Minangkabau telah membawa dan memperkenalkan sistem sosial, ekonomi, politik dan agama pada penduduk asal Negeri Sembilan.

Adat Perpatih melarang perkahwinan dia antara sesama anggota suku. Adat Perpatih lebih menekankan amalan eksogami iaitu perkahwinan yang di buat dengan seseorang di luar lingkungannya (kelompok luar) ataupun perkahwinan di luar suku. Eksogami mampu mengekalkan dan mengeratkan hubungan dalam sesuatu suku sebagai hubungan persaudaraan yang tidak lebih daripada itu. Kaum lelaki tetap menganggap kaum perempuan sesama suku itu sebagai ibu, kakak, adik dan juga anak. Oleh itu, kaum lelaki perlulah mempunyai sifat menyayangi dan melindungi tetapi tidak pernah melihat dari sudut hawa nafsu.

Dalam Perkahwinan Adat Perpatih, upacara nikah di buat sama ada di rumah pengantin perempuan atau di masjid ataupun surau. Pengantin lelaki pula, selalunya duduk di atas tilam yang beralas atau sejadah. Jika pihak lelaki datang dari jauh, mereka akan 'berangguh' iaitu duduk sementara di rumah saudara pengantin perempuan yang berhampiran. Terdapat malam berinai besar di buat untuk menginaikan pengantin perempuan. Peralatan kebiasaan yang digunakan ialah air mawar, beras kunyit, tepung tawar, inai dan bunga telur sebagai buah tangan orang menginai.

Kesimpulan kajian ini, setiap perkara dalam kehidupan pengamal Adat Perpatih mestilah dirujuk kepada yang mahir dan berpengalaman. Ianya bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Misalnya, dalam perkahwinan Adat Perpatih, dilarang berkahwin sesama suku dan jika berkahwin juga pasti ada kesannya.

Jurnal kedua yang menjadi rujukan pengkaji adalah jurnal daripada Shamsuddin Ahmad et. al (2019) yang bertajuk Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan sebagai satu keunikan identiti warisan bangsa. Kajian ini adalah bertujuan untuk membuat satu teras Adat Perpatih yang ada di Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana, tidak ada satu teras adat yang tersusun yang dijadikan panduan oleh pembuat dasar dan pengamal terhadap adat itu sendiri untuk menerangkan Adat Perpatih. Melalui kajian yang di buat, ia dijangka dapat membentuk kembali fahaman masyarakat terhadap Adat Perpatih. Ini kerana Adat Perpatih difahami secara tidak tersusun.

Menurut Norhalim (1998), dalam kajian Shamsuddin Ahmad et. al (2019) Adat Perpatih bukan sahaja amalan hidup seharian, namun ianya merupakan satu sistem yang kompleks yang telah diamalkan sejak zaman-berzaman dengan penuh harmoni. Adat Perpatih adalah satu satu sistem yang kompleks yang dalamnya terkandung kepercayaan, pengetahuan, moral, estetika, kesenian, undang-undang adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh seseorang sebagai ahli masyarakat pengamal adat dan membezakannya dengan masyarakat yang lain.

Kaedah pendokumentasian dan pemetaan perlu di buat dengan satu kaedah dan sistem yang sistematik agar suatu hari nanti generasi muda dapat mencari maklumat berkaitan dengan Adat Perpatih dengan lebih mudah dan tepat pentafsirannya. Sejak Abad ke -16 Adat Perpatih telah menjadi dasar hidup yang diterima oleh masyarakat, namun apabila penjajah Inggeris mula bertapak di Negeri Sembilan, sedikit demi sedikit pengamalan Adat Perpatih mula ditinggalkan. Keadaan ini semakin parah apabila dunia semakin moden, generasi muda telah mula lupa apa itu Adat Perpatih. Permasalahan kajian ini, masyarakat pengamal Adat Perpatih lama biarpun tanpa merujuk kepada buku, mereka sangat mahir berbicara dan dianggap sebagai ilmu bergerak. Keseluruhan perkara adat yang disampaikan hanya berbentuk lisan, diterima secara lisan dan disimpan di dalam hati mereka. Sejak Inggeris memerintah, mereka hanya mementingkan perkara berkaitan undang-undang pemilikan tanah dan sistem pemungutan cukai sahaja dan direkodkan secara serius tetapi tidak serius terhadap perkara atau adat lain. Disebabkan adat ini perlu disimpan sampai bila-bila, dalam pada masa yang sama sumber rujukan semakin berkurangan, pakar-pakar dalam pengamal tidak seperti yang diharapkan kerana kurangnya ilmu yang diwarisi kepada waris-waris baru. Situasi ini amat berbahaya dalam memelihara kelangsungan Adat Perpatih di Malaysia. Menurut Shamsuddin Ahmad et. al. (2019), dengan adanya teras Adat Perpatih, diharapkan agar masyarakat dapat memahami, mengamalkan dan menyelidiki adat dengan lebih baik.

Selain itu, kajian ini juga menekankan kepada penggunaan kaedah kualitatif. Menurut Shamsuddin Ahmad et. al (2019) lagi , mereka akan menggunakan reka bentuk kajian sejarah kerana ianya dapat memberi kefahaman mengenai asal usul sesuatu peristiwa. Dalam jurnal ini, para pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dengan menemu bual para pemimpin Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM), tokoh adat tokoh akademik dari

Universiti Andalas dan juga orang awam. Selain itu, para pengkaji akan mengumpulkan data kajian melalui penelitian dokumen-dokumen yang berkenaan.

Dalam dapatan kajian pula, menunjukkan banyak masalah yang berlaku dalam masyarakat Negeri Sembilan bahawa adat ini belum difahami dengan sepenuhnya oleh para pengamal. Menurut Shamsuddin Ahmad et. al (2019), ketidakfahaman mengenai adat ini bukan sahaja di peringkat masyarakat biasa, malah sehingga ke peringkat kepimpinan tertinggi. Tambahan pula Adat Perpatih sering sekali di salah erti oleh masyarakat terutama masyarakat bukan Negeri Sembilan. Misalnya, ada yang menganggap masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan tunduk kepada wanita dan menggap golongan wanita lebih berkuasa padahal dalam hal ini lebih kepada suku, harta perwarisan pusaka dan jaminan kesejahteraan golongan ini dalam adat.

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian para pengkaji ini, mereka melihat bahawa penyampaian berkaitan dengan Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah tidak menyeluruh, Masyarakat hanya mampu mengenali adat ini melalui adat perkahwinan walaupun banyak unsur tradisi telah hilang ditelan zaman. Selain ketidakfahaman kuatnya ikatan agama dan juga adat, tidak mengenali siapa pemimpin adat dan anggapan yang salah bahawa budaya Adat Perpatih dan Adat Minangkabau adalah sama. Dengan suatu tindakan yang efektif, diharapkan agar permasalahan ini dapat diselesaikan dengan mewujudkan teras Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Jurnal yang seterusnya dipilih oleh pengkaji adalah jurnal daripada M.N.M Zain et al (2012) dalam penulisan mereka iaitu Perkahwinan Adat Rembau, Negeri Sembilan dalam penulisan C.W.C Parr dan W.H Mackray. Dalam kajian ini, M.M.M Zain et. al (2012) mengatakan bahawa antara daerah yang masih mengamalkan Adat Perpatih dalam perkahwinan ialah daerah Rembau. Dalam pada itu, sesetengah amalan Adat Perpatih dianggap bertentangan dala hukum syarak.

Dalam Jurnal ini, pengkaji membincangkan beberapa amalan Adat Perpatih di daerah Rembau dalam penulisan C.W.C. Parr dan W.H Mackray yang bertajuk 'Marriage in Negeri Sembilan: A note on the Conflict between the Rule of Custom and Those of Islam'. Terdapat beberapa perkara yang diulas di dalam penulisan itu yang memerlukan penjelasan hukum syarak iaitu berkenaan dengan perempuan-perempuan yang haram dipinang, pemilikan hart, perwalian, mas kahwin dan juga poligami. Perbincangan itu menyatakan pendapat Parr dan Mackray tentang amalan Adat Perpatih berkenaan mengikut perspektif Islam. Pengkaji mendapati Parr dan Mackray hanya menekankan aspek adat manakala perkara mengenai hukum syarak hanya sedikit dan sebahagiannya tidak tepat dengan hukum syarak.

Selain itu, M. N. M Zain et. al (2012) telah mengkaji mengenai amalan Adat Perpatih di Rembau Negeri Sembilan dan mengkaji mengenai asal usul kedatangan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam kajian mereka mengenai adat perkahwinan, mereka mendapati bahawa perkahwinan Adat Perpatih mengamalkan 'eksogami' iaitu tidak membenarkan berkahwin sesama suku. Selepas berkahwin, lelaki akan meninggalkan keluarganya dan tinggal di rumah pusaka (rumah gadang) atau rumah yang dibina sendiri berhampiran rumah pusaka ibu perempuan.

Kesimpulannya, M. N. M Zain et. al (2012) menghuraikan bahawa kajian dan penulisan Parr dan Mackray yang membincangkan mengenai mas kahwin, perwalian, pemilikan harta, perempuan yang haram dikahwini dan poligami tidak dibincangkan secara adil dan saksama kerana mereka lebih menekankan aspek adat tetapi mengenai aspek hukum syarak tidak kerana terlalu sedikit dan ringkas. Pengkaji beranggapan bahawa Parr dan Mackray bukannya pakar dalam syariat.

Seterusnya, pengkaji meneliti kajian daripada Yuhanis Nasir et. al (2016) yang bertajuk Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. kajian ini

membincangkan tentang pembangunan animasi 2D persis persembahan Bangsawan. Objektif kajian ini adalah adaptasi kisah legenda Puteri Saadong yang diambil dari teks sastera tradisional Melayu yang bertajuk Hikayat Seri Kelantan dan tentang pemahaman terhadap seni persembahan tradisional Bangsawan. Animasi yang dibangunkan ini dinamakan sebagai Bangsawan Puteri Saadong dan digunakan sebagai alat penilaian untuk melihat penerimaan masyarakat terhadap hasil adaptasi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Dalam kajian ini juga, mereka menggunakan beberapa pendekatan iaitu menerusi syair dan peribahasa dalam penyampaian cerita melalui animasi. Hasil kajian ini pengkaji iaitu Yuhanis Nasir et. al (2016) mendapati, faktor peribadi seperti umur, jantina, minat, dan latar belakang pendidikan sangat mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap sesuatu yang diadaptasikan. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa Animasi adalah satu medium yang sesuai dalam mempersembahkan sesuatu kandungan lama atau perkara yang bersejarah untuk dirasai oleh generasi muda.

Selanjutnya, jurnal dari Noor Rafizal & Azrul Azizi (2020) iaitu Apresiasi Boria dalam Animasi Upin & Ipin: Episod Boria suka-suka. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti animasi Upin & Ipin sebagai satu tarikan minat kepada para penonton untuk mengenali boria seterusnya membincangkan elemen dalam boria yang memberi pengetahuan kepada para penonton yang menonton persembahan berkenaan. Mengenai masalah kajian pula, pengkaji iaitu Noor Rafizal & Azrul Azizi (2020) mendapati bahawa boria mengalami kekangan kerana dipersembahkan pada majlis-majlis tertentu sahaja seperti di majlis mempromosi pelancongan negeri. Penggiat boria di Pulau Pinang tidak mempunyai tidak mempunyai masa, tempat dan saluran khas untuk mempromosikan seni warisan ini. Menurut Ferdhaus, Masitah & Badaruddin (2014), pengurusan

sesebuah kumpulan boria memerlukan modal yang tinggi. Peredaran masa menyebabkan boria semakin kurang diketahui dan kurang difahami oleh masyarakat. (Kalsom Rahmathulah, 2015).

Menurut Fujioka (1999), dalam penulisan Noor Rafizal & Azrul Azizi (2020), televisyen adalah kumpulan sosialisasi yang berpengaruh. Oleh itu, siri animasi seperti Upin & Ipin adalah satu cara yang tepat untuk menyampaikan mesej dan kefahaman mengenai persembahan boria kepada masyarakat. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif untuk memperoleh data agar objektif kajian pengkaji tercapai. Pengkaji akan menggunakan buku, jurnal, video dan akhbar untuk memperoleh maklumat. Melalui hasil dan perbincangan para pengkaji, mereka mendapati setiap tayangan Upin & Ipin mendapat sambutan yang amat tinggi.

Kesimpulan dari kajian yang di buat oleh pengkaji, tarikan animasi Upin & Ipin dalam episod Boria suka-suka ini memberikan pengetahuan kepada para penonton mengenai boria yang disampaikan melalui televisyen, *youtube* dan *facebook*.

Jurnal yang selanjutnya adalah daripada Syazwani Abdul Talib et. al (2019) yang bertajuk, Penggunaan Multimedia dalam mata pelajaran sejarah. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti tahap penggunaan multimedia dan minat pelajar terhadap pelajaran sejarah. Kajian ini melibatkan 60 orang pelajar tingkatan empat di Mukah, Sarawak. Dalam permasalahan kajian pula, memandangkan pembelajaran sejarah dijadikan mata pelajaran wajib lulus, penglibatan yang aktif oleh para pelajar adalah sangat penting untuk memudahkan para pelajar mudah menerima dan mengingati segala maklumat. Menurut Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2003) antara kaedah yang sesuai untuk menarik minat pelajar adalah melalui penggunaan multimedia. Menurut Tony Feldman (1997) pula dalam kajian Rozinah Jamaludin (2005), multimedia merupakan gambar, animasi, grafik, teks, dan suara dalam maklumat digital. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah yang berbentuk tinjauan. Kajian ini terdiri daripada 60 orang pelajar lelaki

dan juga perempuan tingkatan empat di sebuah sekolah di Mukah. Pemilihan pelajar ini adalah kerana mereka merupakan pelajar yang berada di kawasan luar bandar yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Instrumen kajian yang akan digunakan adalah melalui borang kaji selidik.

Selain itu, menurut pandangan Kozma (1991), dalam kajian Mahanom Mat Sam & Rohaida Mohd. Saat, (2008), multimedia mampu memberikan dan menyampaikan maklumat dengan lebih baik berbanding menggunakan buku atau radio. Subjek sejarah adalah satu mata pelajaran yang membosankan bagi para pelajar tambahan pula masih ada tenaga pengajar yang masih menggunakan kaedah pembelajaran yang berbentuk ceramah dan membaca hanya berpandukan buku teks semata-mata, maka subjek sejarah semakin kurang diminati oleh para pelajar.

Kesimpulan daripada kajian ini. Melalui multimedia, minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah boleh dipupuk. Hal ini akan menjadikan pelajar mempunyai semangat untuk belajar sejarah dan memberikan kegembiraan semasa sesi pembelajaran. Menurut kajian yang telah di buat dalam negara mahupun luar negara, penggunaan multimedia dalam sejarah boleh meningkatkan motivasi dan semangat pelajar serta menarik minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran sejarah memandangkan sejarah merupakan mata pelajaran yang penting bagi setiap negara bagi memupuk semangat cintakan negara.

2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian yang pernah di buat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Terdapat banyak aspek yang diperoleh dan dikaji seperti asal usul Adat Perpatih dan kedatangannya di Negeri Sembilan selain menceritakan perihal adat perkahwinan dalam Adat Perpatih. Selain itu juga, pengkaji ada membuat penelitian mengenai animasi 2 Dimensi. Ianya merupakan aspek terpenting bagi memulakan kajian penyelidikan pengkaji terhadap tajuk yang telah ditetapkan iaitu Adat perkahwinan yang ditelan zaman: Adat Perpatih melalui Animasi 2 Dimensi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan dalam menyiapkan kajian penyelidikan yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang telah dipilih. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, metodologi bermaksud satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan banyak lagi. Manakala metodologi kajian pula adalah kaedah dan cara untuk mereka bentuk, menganalisis dan mengumpul data supaya dapat menunjukkan hasil atau bukti yang menyokong sesuatu kajian itu. Metodologi kajian juga merupakan satu teknik yang sesuai untuk menjalankan satu penyelidikan menggunakan kaedah yang sesuai dan berkesan bagi menjawab semua permasalahan dalam setiap kajian penyelidikan.

3.1 KAEDAH KAJIAN

3.1.1 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif mempunyai satu bentuk yang berbeza dan tersendiri berbanding dengan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif terdiri daripada pemerhatian, temu bual, dan analisis data melalui soal selidik. Kajian lapangan dan setiap catatan dan nota yang ditulis oleh pengkaji akan dijadikan bahan dan bukti utama dalam kajian kualitatif. Kaedah kualitatif juga adalah satu kajian terhadap sesuatu individu atau lokasi untuk memperoleh maklumat atau data dengan lebih jelas dan terperinci. Antara alat kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kaedah ini adalah dengan menggunakan soal selidik, dan penggunaan dokumen yang digunakan dalam penyelidikan ini seperti gambar, video dan jurnal pengkaji terdahulu.

3.2 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Dalam kaedah penyelidikan ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan menggunakan data primer dan data sekunder.

3.2.1 SUMBER PRIMER

Data primer adalah data yang dikumpulkan dan diperolehi dari responden secara langsung melalui soalan soal selidik. Individu yang akan terlibat dengan soalan kaji selidik adalah mereka yang sudah berkahwin dan juga bujang yang pernah terlibat atau tidak dalam adat istiadat pinang-meminang Mereka akan menjawab soalan berpandukan pengetahuan mereka terhadap adat itu.

I. Soal Selidik (Survey)

Melalui kaedah ini, pengkaji membuat satu soal selidik berkaitan dengan Adat Pinang-meminang dalam Adat Perpatih. Di dalam soal selidik itu, pengkaji akan memberikan soalan yang berkaitan kepada responden dan responden akan menjawab mengikut pendapat masing-masing dan pengalaman mengenai adat meminang dalam Adat Perpatih. Bilangan responden yang diperlukan adalah seramai 30 orang.

Selain itu, pengkaji akan memberikan soalan yang berkaitan dengan adat pinang-meminang kepada Pegawai dari Lembaga Muzium Negeri Sembilan bagi mendapatkan maklumat yang sahih berkaitan dengan adat Perpatih. Pengkaji akan memberikan soalan di dalam Microsoft Word dan Pegawai Muzium diminta untuk memberikan jawapan di dalam dokumen yang sama.

3.2.2 SUMBER SEKUNDER

Manakala data sekunder pula adalah data yang diperoleh secara tidak langsung dari sesuatu (objek) yang diteliti. Data ini diperoleh melalui kajian perpustakaan seperti buku, internet dan dokumen (jurnal)


i. Kajian perpustakaan

Menerusi kaedah kajian ini, pengkaji akan mencari maklumat di Perpustakaan Awan Jelevu Negeri Sembilan melalui pembacaan dan penelitian terhadap bahan ilmiah seperti buku misalnya buku daripada Norhalim Hj. Ibrahim yang bertajuk Glosari Adat Negeri Sembilan dan Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan, majalah dan juga artikel. Pengkaji akan mengambil data-data penting dan dimasukkan ke dalam laporan kajian.

ii. Internet

Selain mengambil maklumat daripada sumber ilmiah, pengkaji akan mengambil maklumat daripada sumber internet iaitu daripada jurnal-jurnal pengkaji terdahulu. Selain mengambil maklumat daripada blog atau laman web menggunakan carian google dan Academia. Selain itu pengkaji akan mencari maklumat daripada jurnal online yang kebanyakannya ada di google scholar berkaitan dengan tajuk yang bersesuaian dengan kajian pengkaji.

3.3 CARTA ALIRAN PENYELIDIKAN



RAJAH 3.3.1: CARTA ALIRAN PENYELIDIKAN

3.4 CARTA GANT

SEMESTER 7

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan Tajuk																
Permasalahan Dan Objektif																
Skop Penyelidikan Dan kepentingan kajian																
Persoalan kajian																
Kajian literatur																
Metodologi																
Kaedah kajian																
Perbentangan																

3.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kaedah kajian dalam metodologi kajian sangat penting bagi mencapai objektif kajian. Kaedah kajian ini juga dapat membantu pengkaji untuk mengumpul dan menambah serta memberi maklumat yang tepat bagi menyokong hasil kajian. Tambahan pula, menerusi bab ini, ia dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pengkaji terhadap tajuk kajian yang dikaji. Setiap kajian yang di buat merupakan satu perkara yang amat bermanfaat dalam sesebuah penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih. Diharapkan dengan setiap kaedah yang digunakan oleh pengkaji, ia mampu membantu pengkaji menyiapkan tugas dengan lebih baik lagi.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN


Dalam Bab ini akan dibincangkan mengenai data yang telah dikumpulkan dan diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah kuantitatif, iaitu melalui borang soal kaji selidik yang telah diberikan melalui “Google Form” untuk diisi oleh responden. Terdapat 30 orang responden yang menjawab soalan kaji selidik ini dan kesemuanya merupakan masyarakat yang menetap di Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi dari soalan kaji selidik yang diberikan kepada kakitangan Lembaga Muzium Negeri Sembilan iaitu Encik Muhammad Bin Zamzam, pembantu Muzium, Unit Muzium Rembau, Urus Setia Luak Inas dan soalan juga diberikan kepada Puan Masita Binti Md Yusoff, Penolong Kurator Kanan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan bagi mendapatkan maklumat yang sahih berkaitan dengan adat meminang dalam adat perpatih dan juga mendapatkan maklumat tentang adat perpatih itu. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan mengenai dapatan hasil kajian daripada kaedah kajian yang diperolehi sebelum ini. Bahagian ini akan merangkumi pecahan seperti proses kajian, hasil kajian, dan kesimpulan daripada kajian yang telah dilakukan. Pengkaji hanya menumpukan kepada pengetahuan masyarakat terhadap Adat Pinang-Meminang dalam Adat Perpatih dan juga persepsi mereka terhadap adat ini melalui soalan kaji selidik.

4.1 ANALISIS DATA

4.1.1 DEMOGRAFI

2) UMUR

30 responses




Rajah 4.1.1.1: Carta Umur responden

Menurut rajah 4.1.1.1, terdapat empat peringkat umur iaitu 20 tahun sehingga 30 tahun, 31 tahun sehingga 40, 41 tahun sehingga 50 tahun dan 51 tahun dan ke atas. 50% responden adalah terdiri daripada umur 51 dan ke atas. Manakala 30% terdiri responden yang berumur 41 tahun sehingga 50 tahun, 13.3% terdiri daripada responden berumur 31 tahun sehingga 40 tahun dan selebihnya iaitu seramai 6.7% responden adalah berumur 20 tahun sehingga 30 tahun.

3) JANTINA

30 responses




Rajah 4.1.1.2: Carta Jantina responden

Menurut rajah 4.1.1.2, sebanyak 53.3 % iaitu seramai 16 orang responden adalah lelaki manakala yang selebihnya adalah sebanyak 46.7% iaitu seramai 14 orang adalah responden perempuan yang menjawab soalan kaji selidik ini.

4) STATUS

28 responses




Rajah 4.1.1.3: Carta status responden

Rajah 4.1.1.3, menunjukkan bilangan status kesemua responden. Sebanyak 75% iaitu bersamaan dengan 21 orang responden telah berkahwin manakala sebanyak 25% bersamaan 7 orang responden adalah bujang.

5) PEKERJAAN

30 responses




Rajah 4.1.1.4: Carta pekerjaan responden

Rajah 4.1.1.4 menunjukkan jenis pekerjaan para responden. Sebanyak 33.3% iaitu bersamaan dengan 10 orang adalah pekerja swasta. Manakala 23.3% bersamaan dengan 7 orang adalah pekerja kerajaan, 20% responden tidak bekerja (suri rumah) iaitu seramai 6 orang, 20% responden bekerja sendiri, juga seramai 6 orang dan 3.3% bersamaan dengan seorang adalah pelajar.

6) JENIS SUKU ANDA

30 responses



4.1.1.5: Carta Jenis Suku responden


Menurut rajah 4.1.1.5, menunjukkan jenis suku para responden. Sebanyak 33.3% iaitu bersamaan dengan 10 orang adalah daripada suku Biduanda. Manakala, 23.3% bersamaan dengan 7 orang adalah dari suku Sri Melenggang, 13.3% dari suku Sri Lemak iaitu seramai 4 orang, 10% responden iaitu bersamaan dengan 3 orang adalah dari suku Tanah Datar, sebanyak 10% juga adalah responden dari suku Tiga Batu iaitu bersamaan dengan 3 orang responden dan bagi suku Batu Hampar, Tiga Nenek dan tiada suku masing-masing berjumlah 3.3% bersamaan dengan seorang responden. Selain itu, tiada responden dari suku Mungkal, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Aceh, dan Anak Melaka,

4.1.2 PENGETAHUAN RESPONDEN TERHADAP ADAT MEMINANG (ADAT PERPATIH)

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN RESPONDEN TERHADAP ADAT MEMINANG (ADAT PERPATIH)

1) Adakah anda pernah terlibat dengan Adat pinang-meminang (Adat Perpatih)?


30 responses



Rajah 4.1.2.1: Soalan berkaitan dengan penglibatan responden dalam adat pinang-meminang

Dalam soalan bahagian B, ditanyakan soalan mengenai pengetahuan responden terhadap adat meminang di dalam adat perpatih. Rajah 4.1.2.1: menunjukkan sebanyak 66.7% iaitu bersamaan dengan 20 orang responden mempunyai pengalaman dan pernah terlibat dengan adat pinang-meminang. Manakala, sebanyak 23.3% bersamaan dengan 7 orang responden tidak ada pengalaman dan tidak pernah terlibat dengan adat pinang-meminang dalam adat perpatih. Selain itu, sebanyak 10 bersamaan dengan 3 orang responden memilih jawapan tidak pasti bahawa mereka pernah terlibat dan mempunyai pengalaman atau tidak dalam adat pinang-meminang dalam adat perpatih.

2) Adakah anda memahami dan mengetahui proses upacara adat ini (adat meminang) dilakukan?
29 responses




Rajah 4.1.2.2 : Soalan mengenai kefahaman terhadap proses upacara adat meminang

Dalam soalan ini iaitu pada rajah 4.1.2.2, iaitu adakah anda (responden) memahami dan mengetahui proses upacara pinang-meminang dilakukan?, Sebanyak 65.5% bersamaan dengan 19 orang responden mengatakan ya iaitu mereka memahami dan mengetahui bagaimana proses upacara pinang-meminang dalam adat perpatih. Manakala 20.7% bersamaan dengan 6 orang responden mengatakan tidak pasti . Keenam-enam orang responden ini tidak pasti adakah mereka memahami atau tidak bagaimana proses upacara adat pinang-meminang dalam adat perpatih

dilakukan. Seterusnya, sebanyak 13.8% iaitu seramai 4 orang responden mengatakan tidak pada soalan kaji selidik. Keempat-empat orang responden ini tidak memahami dan mengetahui tentang proses upacara adat pinang-meminang dalam adat perpatih.

3) Adakah masih terdapat masyarakat di tempat anda mengamalkan adat pinang-meminang dalam Adat Perpatih?

30 responses




Rajah 4.1.2.3 : Soalan mengenai adakah terdapat masyarakat yang masih mengamalkan adat perpatih

Dalam Rajah 4.1.2.3 soalan yang diberikan ialah adakah masih terdapat masyarakat di tempat responden yang mengamalkan adat pinang-meminang?. Sebanyak 70% iaitu bersamaan dengan 21 orang responden yang mengatakan ya pada soalan kaji selidik. Hal ini demikian kerana, di tempat responden, masyarakat masih mengamalkan adat perpatih dalam majlis pinang-meminang. Seterusnya sebanyak 16.7% mengatakan tidak pasti iaitu jumlah responden bersamaan dengan 5 orang. Manakala sebanyak 13.3% iaitu bersamaan dengan 4 orang responden memilih jawapan tidak.

4) Pernahkah anda melihat peralatan-peralatan yang digunakan ketika majlis pinang-meminang?

30 responses




Rajah 4.1.2.4 : Soalan mengenai adakah responden pernah melihat peralatan ketika majlis pinang-meminang

Dalam Rajah 4.1.2.4, diberikan soalan mengenai, adakah responden pernah melihat peralatan ketika majlis pinang-meminang. Sebanyak 86.7% bersamaan dengan 26 orang responden menjawab ya. Manakala sebanyak 10% iaitu bersamaan dengan 3 orang responden menjawab tidak pernah melihat peralatan-peralatan yang digunakan ketika majlis pinang-meminang dan sebanyak 3.3% iaitu hanya seorang yang menjawab tidak pasti pada soalan ini.

5) Pada pendapat anda, perlukah adat pinang-meminang dalam adat Perpatih, diteruskan oleh generasi masa kini?

30 responses



Rajah 4.1.2.5 : Soalan mengenai pendapat responden terhadap adat perpatih, adakah ia patut diteruskan oleh generasi masa kini.

Dalam rajah 4.1.2.5, iaitu soalan mengenai pendapat responden terhadap adat perpatih, adakah ianya patut diteruskan oleh generasi masa kini atau tidak. Sebanyak 90% iaitu bersamaan dengan 27 orang responden mengatakan ya. Mereka berpendapat bahawa adat ini perlulah diteruskan oleh generasi masa kini. Manakala, 10% iaitu seramai 3 orang responden mengatakan tidak. Mereka tidak bersetuju bahawa adat ini diteruskan oleh generasi pada masa kini.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.3 : PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP ADAT PERPATIH

BAHAGIAN C: PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP ADAT PERPATIH

1) Adakah anda tahu sedikit sebanyak mengenai Adat Perpatih?

30 responses




Rajah 4.1.3.1 : Carta mengenai adakah responden tahu sedikit sebanyak mengenai Adat Perpatih

Pada bahagian ini iaitu bahagian C ditanyakan soalan berkaitan dengan persepsi responden terhadap adat perpatih. Pada Rajah 4.1.3.1, iaitu soalan mengenai adakah responden tahu atau tidak mengenai adat perpatih sebanyak 96.7% iaitu bersamaan dengan 29 orang responden memilih jawapan ya. Mereka mengetahui sedikit sebanyak mengenai adat perpatih. Manakala sebanyak 3.3% bersamaan dengan seorang responden memilih jawapan tidak pasti seterusnya 0% pada jawapan tidak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2) Pendapat anda, adakah adat ini masih relevan diamalkan pada masa kini?

30 responses




Rajah 4.1.3.2 : Carta mengenai pendapat responden tentang relevan atau tidak adat perpatih diamalkan pada masa kini

Dalam rajah 4.1.3.2, soalan yang diberikan adalah mengenai pendapat responden tentang relevan atau tidak adat perpatih diamalkan pada masa kini. Sebanyak 83.3% iaitu bersamaan 25 orang responden mengatakan ya pada soalan ini. Mereka merasakan bahawa adat perpatih masih relevan diamalkan pada masa kini. Sebanyak 13.3% iaitu seramai 4 orang responden mengatakan tidak relevan adat ini diamalkan pada masa kini dan sebanyak 3.3% iaitu hanya seorang memilih tidak pasti adakah adat ni masih relevan diamalkan pada masa kini.

MALAYSIA
KELANTAN

3) Adakah anda masih mengamalkan Adat Perpatih?

30 responses




Rajah 4.1.3.3 : Carta mengenai adakah responden masih mengamalkan adat perpatih

Rajah 4.1.3.3 menunjukkan sebanyak 80% iaitu seramai 24 orang responden memilih jawapan ya pada soalan ini. Kebanyakan responden masih mengamalkan adat perpatih. Manakala sebanyak 16.7% iaitu seramai 5 orang responden tidak mengamalkan adat perpatih dan 3.3% iaitu seorang mengatakan tidak pasti jika dia masih mengamalkan adat perpatih ataupun tidak.

4) Adakah keluarga anda atau kenalan anda masih mengamalkan Adat Perpatih?

30 responses




Rajah 4.1.3.4: Carta mengenai adakah keluarga atau kenalan responden masih mengamalkan adat perpatih

Rajah 4.1.3.4, menunjukkan sebanyak 80% iaitu bersamaan dengan 24 orang responden mengatakan ya pada soalan ini. Keluarga atau kenalan kepada responden masih mengamalkan adat perpatih. Manakala sebanyak 13.3% iaitu seramai 4 orang responden keluarga atau kenalan mereka tidak mengamalkan adat perpatih dan 6.7% iaitu seramai 2 orang memberikan jawapan tidak pasti.

5) Adakah anda setuju bahawa Adat Perpatih perlu diperkenalkan melalui semua platform kepada generasi pada masa kini?

30 responses



Rajah 4.1.3.5 : Carta mengenai setuju atau tidak adat perpatih perlu diperkenalkan melalui semua platform kepada generasi pada masa kini

Pada Rajah 4.1.3.5 ini, ditanyakan tentang adakah mereka bersetuju jika adat perpatih perlu diperkenalkan melalui semua platform kepada generasi pada masa kini? Sebanyak 100% mengatakan ya pada soalan ini. Mereka bersetuju jika adat ini perlu diperkenalkan kepada generasi pada masa kini di semua platform.

4.1.4: SOAL SELIDIK MENGENAI ADAT PERPATIH (ADAT PINANG-MEMINANG)

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mendapatkan maklumat berkaitan dengan adat perpatih, adat pinang-meminang dan juga beberapa maklumat berkaitan dengan adat perkahwinan bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan bagi mencapai objektif kajian pengkaji. Pengkaji akan memberi soalan kaji selidik ini kepada kakitangan daripada Lembaga Muzium Negeri Sembilan iaitu Encik Muhammad Bin Zamzam, pembantu Muzium, Unit Muzium Rembau, Urus Setia Luak Inas dan soalan juga diberikan kepada Puan Masita Binti Md Yusoff, Penolong Kurator Kanan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Soalan-soalan mengenai Adat Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih:

1. Boleh terangkan secara terperinci mengenai Adat Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih?

Jawapan:

Di Negeri Sembilan ia dikenali sebagai adat semenda menyemenda

Rajah 4.1.4.1: Soalan berkaitan dengan Adat perpatih

Menurut rajah 4.1.4.1, pengkaji mendapati, adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih dikenali sebagai adat semenda menyemenda.

2. Bagaimanakah turutan Adat Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih?

Jawapan:

3.1. Merisik

3.2. Menerima cincin

3.3. Mengembang Cincin

3.3. Bertunang

3.5. Berkampung (Kayu Berakar)

3.6. Majlis Nikah Kahwin

3.7. Menyalang (Mengenal bapa saudara dan anak-anak buah)

Rajah 4.1.4.2: Soalan bagaimanakah turutan adat istiadat perkahwinan dalam adat perkahwinan

Menurut rajah 4.1.4.2, turutan adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih adalah bermula dengan merisik, menerima cincin, mengembang cincin, bertunang, berkampung (kayu

berakar), majlis nikah kahwin dan juga menyalang iaitu mengenal bapa saudara dan anak-anak buah).

3. Adakah masih terdapat masyarakat yang masih mengamalkan Adat Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan pada masa kini?

Jawapan:

Istiadat ini masih diamalkan lagi di Luak-Luak (dikampung) kerana majlis diadakan di rumah pusaka yang mempunyai serambi rumah iaitu semasa proses menjemput Dato Lembaga/Buapak dan tempat duduk bagi Dato Lembaga yang dijemput dimana dipasang tabir lelangit, tabir lingkungan dan tikar rompok beserta tilam pandak. Bagi majlis kahwin telah mengikut tahun semasa.

Rajah 4.1.4.3: Soalan mengenai adakah masih terdapat masyarakat yang masih mengamalkan Adat Perpatih

Dalam rajah 4.1.4.3, pengkaji mendapati adat perkahwinan dalam adat perpatih masih diamalkan di kampung-kampung kerana majlis biasanya diadakan di rumah pusaka yang mempunyai serambi rumah iaitu semasa proses menjemput Dato Lembaga ataupun Buapak.

4. Apakah kesannya jika larangan perkahwinan sesama suku dilanggar oleh mana-mana pihak?

Jawapan:

Apabila berkahwin sesama suku dikata masyarakat suku itu tidak berkembang dan ia tidak digalakkan dan mereka dikatakan adik beradik. Tetapi dalam syarak ia membenarkan oleh itu sekiranya pasangan itu masih mahu meneruskan perkahwinan tersebut salah seorang dari mereka harus melalui satu proses timbang salah di mana salah seorang akan keluar suku, kebiasaannya pihak lelaki tetapi pihak lelaki tidak lagi dapat menyandang pesaka sekiranya ia layak.

Rajah 4.1.4.4: Soalan mengenai kesan jika larangan perkahwinan sesama suku dilanggar oleh mana-mana pihak

Dalam Rajah 4.1.4.4, pengkaji mendapati, jika larangan perkahwinan sesama suku dilanggar pihak lelaki ataupun pihak perempuan, kesannya adalah apabila mereka berkahwin sesama suku, dikatakan bahawa masyarakat suku itu tidak berkembang dan ianya tidak digalakkan kerana mereka diumpamakan seperti adik-beradik. Tetapi jika mengikut syariat Islam, ia dibenarkan. Namun jika mengikut kepada adat, jika sesama suku ingin berkahwin, salah seorang dari mereka perlulah keluar dari suku.

5. Siapakah yang memainkan peranan besar dalam upacara perkahwinan dalam Adat Perpatih dan apakah peranannya?

Jawapan:

Orang Semenda (Menantu lelaki atau bapa saudara) dan Buapak sukunya
Peranan mereka ialah mengatur majlis kenduri kendara dan menjemput saudara mara, kenalan dan Dato Lembaga.

Rajah 4.1.4.5: Soalan mengenai siapakah yang memainkan peranan dalam upacara perkahwinan

Menurut rajah 4.1.4.5, pengkaji mendapati, orang Semenda dan Buapak merupakan individu yang memainkan peranan yang besar dalam mengatur upacara perkahwinan.

6. Berapakah jumlah sebenar 'Suku' di Negeri Sembilan?

Terdapat Dua Belas Suku dalam Adat Perpatih iaitu:-

- i. Biduanda
- ii. Tanah Datar
- iii. Tiga Nenek
- iv. Tiga Batu
- v. Batu Belang
- vi. Batu Hampar
- vii. Seri Melenggang
- viii. Seri Lemak Minangkabau
- ix. Seri Mungkal
- x. Seri Lemak Pahang
- xi. Anak Aceh
- xii. Anak Melaka

Rajah 4.1.4.6: Soalan mengenai berapakah jumlah suku di Negeri Sembilan

Menurut rajah 4.1.4.6, pengkaji mendapati terdapat 12 suku utama di Negeri Sembilan iaitu Biduanda, Tanah Datar, Tiga nenek, Tiga Batu, Batu Belang, Batu Hampar, Seri Melenggang, Seri Lemak Minangkabau, Seri Mungkal, Seri Lemak Pahang, Anak Aceh, dan Anak Melaka.

6. Menurut Tuan, adakah terdapat pengamal Adat Perpatih di negeri-negeri lain selain di Negeri Sembilan?

Jawapan:

Di Nanning dan Alor Gajah tapi segelintir sahaja dan mungkin tidak diamalkan lagi.

8. Daerah mana yang masih kuat mengamalkan Adat Perpatih?

Jawapan:

Kuala Pilah, Rembau, Jelevu

Rajah 4.1.4.7: Soalan mengenai adakah terdapat pengamal adat perpatih di negeri-negeri lain selain di Negeri Sembilan.

Menurut rajah 4.1.4.7, pengkaji mendapati terdapat segelintir sahaja yang mengamalkan adat perpatih di negeri selain di Negeri Sembilan iaitu di Nanning dan Alor Gajah. Selain itu, Negeri yang paling kuat mengamalkan adat perpatih adalah di Kuala Pilah, Rembau dan juga Jelebu.

SOALAN MENGENAI ADAT PINANG MEMINANG DALAM ADAT PERPATIH

1. Boleh Encik terangkan, apakah proses upacara adat pinang meminang dalam adat Perpatih?

Selepas merisik (risik dan duai) dan setelah seia sekata pihak perempuan menerima cincin tanya pihak lelaki, dimulakan pula peringkat pinang-meminang yang disebut menghembur merebat atau menyawar. Sebelum diadakan majlis meminang beberapa atur cara harus dilalui oleh kedua-dua pihak. Antaranya mencari seadat dan seresam dan berkampung. Ada dua istilah yang digunakan untuk adat ini, iaitu adat menghantar tanda atau cincin (peminangan) jika dilihat daripada pihak lelaki, dan adat menerima tanda atau cincin (peminangan) jika dilihat daripada pihak perempuan.

Rajah 4.1.4.8: Soalan mengenai apakah proses upacara adat pinang-meminang

Dalam rajah 4.1.4.8, pengkaji mendapati proses upacara adat pinang-meminang adalah seperti berikut, iaitu selepas merisik, selepas pihak perempuan telah menerima cincin tanya daripada pihak lelaki, dimulakan pula peringkat seterusnya iaitu pinang-meminang. Terdapat dua istilah yang digunakan dalam adat ini iaitu adat menghantar tanda atau cincin, dan menerima tanda atau cincin.

2. Bagaimanakah proses upacara adat pinang meminang berkenaan?

Sebelum mengadakan adat pinang-meminang, upacara istiadat berkampung akan diadakan, lazimnya dihadiri oleh seluruh ahli perut. Turut hadir bersama ialah Buapak dan Besar. Ahli-ahli seperut akan mula berkampung di rumah yang beralat sejak petang sehari sebelum istiadat diadakan. Pada malam itu juga dikenakan persiapan terakhir segala peralatan yang akan digunakan besoknya. Pada pihak lelaki, antara yang

Rajah 4.1.4.9: Soalan mengenai bagaimanakah proses upacara adat pinang-meminang

Dalam rajah 4.1.4.9, pengkaji mendapati, Sebelum mengadakan adat pinang-meminang, upacara istiadat berkampung akan diadakan, lazimnya dihadiri oleh seluruh ahli perut. Turut hadir bersama ialah Buapak dan Besar. Ahli-ahli seperut akan mula berkampung di rumah yang beralat sejak petang sehari sebelum istiadat diadakan. Kedatangan rombongan pihak lelaki akan disambut dengan hormat dan dipersilakan naik. Di sesetengah kawasan di Negeri Sembilan, tegur sapa semasa kedatangan rombongan lelaki itu dilakukan secara berpantun. Setelah diketahui siapa yang menerima adat, wakil lelaki akan beralih tempat duduk agar bertentangan dengan wakil perempuan. Peralatan meminang seperti tepak sirih (bujam epok), boko bekas cincin dan bekas duit adat diletakkan di hadapan tepak sirih (bujam epok). Kedua-dua orang wakil akan bersalam menggunakan kedua-dua belah tangan dan berpantun. Selepas berpantun beliau akan mempelawa rakannya untuk merasa sirih wakil pihak lelaki tersebut. Boko yang berisi cincin peminangan itu disorongkan kepada wakil pihak perempuan, yang menerima itu pun disorongkan kepada wakil pihak perempuan dan menerimanya dengan tertib. Mereka bersalam dengan wakil pihak perempuan. Pada ketika yang sama cincin tanda tanya itu akan diedarkan dikalangan ahli waris keluarga pihak perempuan. Pembantu wakil perempuan, mula-mula akan menyerahkannya kepada ketua-ketua adat yang hadir disaksikan pula oleh kaum lelaki di bahagian serambi rumah dan

akhirnya akan disampaikan kepada ibu pihak perempuan untuk disimpan. Selepas selesai perundingan hidangan makanan disajikan.

3. Siapakah yang memainkan peranan besar dalam adat pinang meminang? Apakah peranan mereka?

Didalam Adat Peminangan di Negeri Sembilan kesemuanya memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan Istiadat adat meminang ini berlangsung dengan baik, dari seluruh ahli perut, Dato Lembaga yang mengetuai sesuatu suku buapak dan besar waris dan ibu soko. Konsep bermuafakat juga telah mewujudkan nilai dan sifat kerjasama, gotong-royong, tolong-menolong dan bantu-membantu antara pengamal adat perpatih.

Rajah 4.1.4.10: Soalan mengenai siapakah yang memainkan peranan besar dalam adat pinang-meminang.

Dalam Rajah 4.1.4.10, pengkaji mendapati kesemua individu yang terlibat dengan majlis memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan istiadat adat meminang ini berlangsung dengan baik. Selain itu, Dato Lembaga yang mengetuai sesuatu suku, Buapak, Besar Waris dan Ibu Soko antara yang memainkan peranan yang penting dalam adat istiadat ini.

4. Apakah peranan Tua kadim, Besar, Buapak dan Lembaga dalam adat Pinang meminang?

Tua Kadim - Tua Kadim ataupun tua seadat peranannya adalah memimpin dalam Upacara adat meminang, mewakili keluarga perempuan

Besar Waris - Membantu buapak dan Dato Lembaga dalam hal-hal adat peminangan

Buapak - Memastikan segala hal dalam adat peminangan berjalan dengan baik dan Lancar.

Dato Lembaga - Peranan Dato Lembaga sangat penting dari proses merisik sehingga peminangan. Antaranya memastikan semasa istiadat berkampung dilaksanakan penuh beradat, memastikan kemuafakatan antara pihak keluarga lelaki dan perempuan.

Rajah 4.1.4.11: Soalan mengenai peranan Tua kadim, Besar, Buapak dan Lembaga

Dalam rajah 4.1.4.11, pengkaji mendapati peranan Tua Kadim, Besar Waris, Buapak, dan juga Dato Lembaga. Tua Kadim ataupun tua seadat peranannya adalah memimpin dalam Upacara adat meminang, mewakili keluarga perempuan. Besar Waris pula Membantu Buapak dan Dato Lembaga dalam hal-hal adat peminangan. Buapak pula akan Memastikan segala hal dalam adat peminangan berjalan dengan baik dan Lancar. Peranan Dato Lembaga sangat penting dari proses merisik sehingga peminangan. Antaranya memastikan semasa istiadat berkampung dilaksanakan penuh beradat, memastikan kemuafakatan antara pihak keluarga lelaki dan perempuan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5. Apakah maksud Ahli Seperut?

Sesama suku , ahli saudara

Rajah 4.1.4.12: Maksud Ahli seperut

Dalam Rajah 4.1.4.12, pengkaji mendapati makna ahli seperut adalah sesama suku ataupun ahli saudara.

6. Apakah yang dimaksudkan dengan Semenda?

Untuk tujuan perkahwinan atau waris mewarisi, dibenarkan orang luar untuk menjadi ahli sesuatu suku dengan cara melalui upacara berkedim. Dalam upacara ini seseorang itu akan bersumpah taat setia dan bersaudara dengan ahli-ahli suku yang akan disertainya.

Rajah 4.1.4.13: Maksud Semenda

Dalam Rajah 4.1.4.13, pengkaji mendapati apakah maksud Semenda. Semenda adalah orang yang datang ke dalam satu-satu suku yang lain daripada sukunya melalui perkahwinan.

7. Menurut anda, masihkah terdapat masyarakat yang masih mengamalkan adat pinang meminang di daerah Jelebu?

Ya. Daerah Jelebu adalah Luak Berundang dan masih ada masyarakat yang mengamalkan adat pinang-meminang.

Rajah 4.1.4.14: Soalan mengenai adakah masih terdapat masyarakat yang mengamalkan adat pinang-meminang di daerah Jelebu.

Dalam rajah 4.1.4.14 mendapati, masih ada masyarakat yang mengamalkan adat pinang-meminang di daerah Jelebu. Hal ini demikian kerana daerah Jelebu adalah luak berundang dan antara daerah yang kuat mengamalkan adat perpatih.

8. Apakah peralatan-peralatan yang kebiasaannya digunakan dalam adat Pinang meminang?

- a.) Cincin Peminangan
- b.) Boko
- c.) Tepak Sirih Peminangan atau Bujam Epok.
- d.) Ruangan dan Peralatan

Rajah 4.1.4.15: Soalan mengenai apakah peralatan yang kebiasaannya digunakan dalam adat pinang-meminang

Rajah 4.1.4.15 menunjukkan bahawa peralatan yang kebiasaannya digunakan dalam adat istiadat peminangan adalah Cincin Peminangan, Boko, Tepak Sirih Peminangan atau Bujam Epok dan Ruangan dan Peralatan

9. Apakah fungsi peralatan-peralatan berkenaan?

- a.) Cincin Peminangan (diikat dengan benang semperona@semperwarna)
- b.) Boko (diletakkan cincin peminangan dibahagian tengah)
- c.) Tepak Sirih Peminangan atau Bujam Epok. (sebagai alat penyogok adat atau kepala adat).
- d.) Ruangan dan Peralatan (sekiranya Dato Lembaga hadir perlu diletakkan tilam pandak dan alat kebesarannya iaitu tabir, lelangit, tombak atau keris dan kain silang gunting).

Rajah 4.1.4.16: Soalan mengenai fungsi peralatan berkenaan

Rajah 4.1.4.16, menunjukkan fungsi peralatan yang digunakan semasa majlis peminangan iaitu Cincin Peminangan (diikat dengan benang semperona atau semperwarna), Boko (diletakkan cincin peminangan di bahagian tengah),Tepak Sirih Peminangan atau Bujam Epok. (sebagai alat penyogok adat atau kepala adat), Ruangan dan Peralatan (sekiranya Dato Lembaga hadir perlu diletakkan tilam pandak dan alat kebesarannya iaitu tabir, lelangit, tombak atau keris dan kain silang gunting).

10. Bagaimanakah pakaian yang digunakan oleh pihak lelaki dan perempuan ketika adat ini berlangsung?

Mengikut adat istiadat Melayu , bagi pihak lelaki memakai pakaian lengkap berbaju melayu, dan bagi pihak perempuan akan mengenakan baju kurung lengkap.

Rajah 4.1.4.17: Soalan mengenai apakah jenis pakaian yang digunakan oleh pihak lelaki dan perempuan ketika adat ini berlangsung.

Dalam Rajah 4.1.4.17, pengkaji mendapati ketika adat istiadat pertunangan berlangsung, wakil pihak lelaki dan juga perempuan akan memakai pakaian lengkap berbaju melayu dan bagi pihak perempuan pula akan mengenakan baju kurung lengkap.

12. Bagaimanakah susunan yang betul dalam menyediakan tepak sirih?

Dalam menyediakan tepak sirih, perhatian haruslah diberikan kepada susunan peralatan yang ada di dalamnya. Susunan daun sirih mestilah betul, iaitu kepala sirih menghadap kepala tepak. Kelengkapan lain seperti kapur, gambir, pinang, bunga cengkih dan sebagainya yang perlu untuk mengapur sirih haruslah ada tempat khasnya. Susunan yang betul bagi sesebuah tepak adalah buah pinang, kapur, gambir, tembakau, cengkih, daun sirih dan perlu ada kacip.

Rajah 4.1.4.18: Soalan mengenai susunan yang betul dalam menyediakan tepak sirih

Dalam Rajah 4.1.4.18, pengkaji mendapati susunan yang betul dalam menyediakan tepak sirih adalah kepala sirih menghadap kepala tepak. Kelengkapan lain seperti kapur, gambir, pinang, bunga cengkih dan sebagainya yang perlu untuk mengapur sirih haruslah mempunyai tempat khasnya. Susunan yang betul bagi sesebuah tepak adalah buah pinang, kapur, gambir, tembakau, cengkih, daun sirih dan kacip

13. Apakah perbezaan tepak sirih dan bujam epok?

Peralatan yang digunakan dalam tepak sirih dan bujam epok adalah sama, iaitu cembul-cembul kecil tertutup untuk diisi buah pinang, kapur, gambir, tembakau, cengkik, dan daun sirih. Bezanya dengan tepak sirih ialah tempat cembul-cembul tersebut disimpan. Bujam Epok menggunakan kain atau tempat yang dianyam daripada daun mengkuang sedangkan tepak sirih menggunakan bekas yang diperbuat daripada kayu atau tembaga berukir.

Rajah 4.1.4.19: Soalan mengenai perbezaan tepak sirih dan bujam epok

Dalam rajah 4.1.4.19, pengkaji mendapati tepak sirih dan bujam epok merupakan peralatan yang sama.

Minta tolong jawab soalan ni : semasa majlis meminang...bakal pengantin duduk kat mana time tu? Dan baju apa yg mereka pakai?

Semasa majlis pinang meminang berlangsung, bakal bagi pengantin pihak lelaki tidak akan ke rumah bakal pengantin pihak perempuan. Penentu wakil meminang mewakili pihak lelaki menghantar tanda ditentukan oleh orang semenda tua (orang semenda yang tertua dalam perut atau keluarga) . Kadang-kala penentuan ini dibuat juga oleh Buapak perut itu sendiri. Bagi bakal pengantin pihak perempuan pula akan tetap berada didalam bilik sahaja. Cincin tanda itu dari wakil pihak lelaki akan diedarkan dikalangan waris keluarga pihak perempuan, mula-mula akan menyerahkan kepada ketua-ketua adat yang hadir disaksikan wakil pihak lelaki dibahagian serambi rumah. Akhirnya cincin tunang yang dihantar oleh pihak lelaki mestilah disimpan oleh keluarga (IBU) perempuan yang bertunang. Cincin itu tidak boleh dipakai oleh gadis yang bertunang sehingga hari berkampung semasa dibincangkan perkara yang berkaitan dengan hari langsung atau upacara pernikahan. Pakaian bagi gadis yang bakal pengantik akan mengenakan busana melayu, sopan dan bertudung.

Rajah 4.1.4.20: Soalan mengenai dimanakah ketika itu bakal pengantin lelaki dan juga bakal pengantin perempuan ketika istiadat meminang dilaksanakan.

Dalam Rajah 4.1.4.20, pengkaji mendapati, Semasa majlis pinang meminang berlangsung, bakal bagi pengantin pihak lelaki tidak akan ke rumah bakal pengantin pihak perempuan. Bagi bakal pengantin pihak perempuan pula akan tetap berada di dalam bilik sahaja.

4.2 PEMBANGUNAN PRODUK

Di dalam proses pembangunan produk, terdapat tiga proses yang akan terlibat iaitu peringkat pra produksi, produksi dan juga pos produksi. Proses ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan, bermula dari percambahan idea hingga ke produk akhir.

4.2.1 PRA PRODUKSI

Peringkat ini merupakan proses terawal dalam proses pembangunan produk iaitu fasa pengembangan idea. Antara proses-proses yang terlibat pada peringkat ini adalah sinopsis, skrip, lakaran papan cerita, analisis karakter, latar belakang, dan pemilihan warna.

4.2.1.1 SINOPSIS

Mengisahkan Ana yang pulang ke Kampung untuk bertemu Atuk dan neneknya. Namun ketika Ana keluar daripada keretanya, hanya Atuknya sahaja menunggu Ana di tangga rumah. Selepas bersalaman dengan Atuk. Ana menanyakan di mana Neneknya ketika itu kepada Atuk. Tidak sampai beberapa minit, Nenek pun pulang. Nenek ke rumah jiran untuk membantu jirannya dalam majlis meminang anak perempuannya mengikut Adat Perpatih. Dari situ, banyak persoalan yang ditanya oleh Ana kepada neneknya itu berkaitan adat meminang dalam Adat Perpatih



4.2.1.2 PEMBANGUNAN KARAKTER

Dalam projek animasi yang akan dibangunkan oleh pengkaji, terdapat beberapa orang watak seperti Atuk, Wan, Ana, dan juga beberapa lagi watak sampingan seperti orang kampung akan dimasukkan di dalam projek animasi 2D pengkaji.

Watak utama iaitu Ana seorang gadis yang berusia 24 tahun dan sedang melanjutkan pelajaran di sebuah Universiti. Ana merupakan cucu kepada Atuk dan juga Wan. Watak seterusnya adalah Atuk. Atuk berusia 65 tahun merupakan pesara guru. Isteri atuk iaitu Wan seorang suri rumah yang berusia 63 tahun. Ana merupakan satu-satunya cucu mereka berdua. Berikut merupakan pembangunan karakter bagi watak-watak yang ada dalam kajian ini.



MALAYSIA

KELANTAN




Rajah 4.2.1.2.1 Pembangunan Bentuk Karakter

MALAYSIA
UNIVERSITI
KELANTAN

4.2.1.3 PEMILIHAN BENTUK KARAKTER






Rajah 4.2.1.3.1 pemilihan Bentuk Karakter

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




4.2.1.4 PEMILIHAN AKHIR WATAK




Rajah 4.2.1.4.1 : Pemilihan Akhir Karakter

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.1.5 EKSPRESI WAJAH KARAKTER





Rajah 4.2.1.5.1 : Ekspresi wajah karakter


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.1.6 : PEMBANGUNAN NARATIF PAPAN CERITA

Setiap animasi yang ingin dihasilkan perlulah mempunyai naratif papan penceritaan. Ianya bertujuan bagi menyampaikan sesuatu penceritaan dengan lebih berkesan dan di fahami oleh seseorang individu. Papan cerita ataupun dikenali sebagai ‘storyboard’ adalah proses penceritaan yang memberikan perincian daripada filem atau animasi yang dihasilkan dengan ilustrasi setiap babak, latar belakang dan karakter serta babak yang ingin ditampilkan. Pengkaji memilih tajuk yang berkaitan dengan pembangunan animasi 2D dalam menyampaikan maklumat tentang adat pinang-meminang di dalam adat perpatih.

Storyboard Template (1)

Name:
Project:



MALAYSIA
KELANTAN

Storyboard Template (2)

Name:
Project:



Storyboard Template (3)

Name:
Project:



Storyboard Template (4)

Name:
Project:

	MERISIK → MEMINANG 	
		WANG (ADAT PASAR) CINCIN TEPAK SIRIH SEKERSALIMAN PAKAIAN 
BERKUMPUL	KHEMAH KENDURI	



Storyboard Template (5)

Name:
Project:

		
WAKIL LELAKI WAKIL PEREMPUAN 	BERSALAMAN 	DERPANTUN 


Storyboard Template (6)

Name:
Project:




Storyboard Template (7)


Name:
Project:



JAMUAN MAKAN



MINUM AIR



Rajah 4.2.1.6.1 : Pembangunan Naratif Papan Cerita

4.2.1.7 SKRIP ANIMASI

BABAK 1

SITUASI: ATUK DI TANGGA RUMAH. MENUNGGU CUCUNYA PULANG SAMBIL BERMAIN DENGAN KUCING.

KELIHATAN KERETA ANA MASUK KE LAMAN RUMAH. ANA KELUAR DARIPADA KERETA DAN TERUS MEMBERI SALAM KEPADA ATUKNYA.

ANA: ASSALAMUALAIKUM ATUK YANG HENSEM..

ATUK: WAALAIKUMUSSALAM..ISH KAMU NI..ADA2 JE

ANA: HEHE...WAN MANA ATUK?

ATUK: KE RUMAH WAN TIMAH..ADA MAJLIS TUNANG ANAK DIA

ANA: AIK? ATUK TAK PERGI KE?

ATUK: TAK PUN..ATUK TUNGGU KAMU

ANA: SWEETNYA ATUK ANA NI..HEHEHE

BABAK 2

SITUASI: WAN PULANG KE RUMAH DAN MEMBERI SALAM

WAN: ASSALAMUALAIKUM..AMBOI RANCAKNYA BERBUAL

ANA: WAALAIKUMUSSALAM..EH WAN...TAK PERASAN PULAK..WAN SIHAT?

WAN: ALHAMDULILLAH. MAK AYAH KAMU SIHAT?

ANA:ALHAMDULILLAH DIORANG SIHAT JE..oh ya..TADI WAN PERGI MANA?

WAN: OH KE RUMAH WAN TIMAH TADI.ADA MAJLIS MEMINANG ANAK BONGSU DIA TU.

ANA: OH..PATUTLAH... BUKAN MAIN MERIAH LAGI TADI MASA ANA LALU DEPAN RUMAH DIA

WAN: MEMANGLAH..MAJLIS NI LAIN SIKIT DARI MAJLIS TUNANG BIASA

ANA: APA YANG LAIN WAN?

WAN: SEBAB MAJLIS NI DIORANG IKUT ADAT PERPATIH

ANA: CUBA WAN CERITA..HEHEHE

WAN: HAH JOM..TAPI MASUKLAH DULU DALAM RUMAH.PANAS KAT SINI

ANA: JOM.HEHEHEHE

MEREKA BERTIGA MASUK KE DALAM RUMAH DUDUK DI RUANG TAMU. WAN SEMPAT MEMBUAT AIR DAN MENGHIDANGKAN BEBERAPA KUIH UNTUK MEREKA BERTIGA SEBELUM BERCERITA

BABAK 3:

WAN MEMULAKAN CERITA MENGENAI ADAT MEMINANG DALAM ADAT PERPATIH KEPADA CUCUNYA ITU SAMBIL DITEMANI OLEH ATUK.

WAN: APA YANG KAMU NAK TAHU TADI?

ANA: MACAM MANA SITUASI MEMINANG DALAM ADAT PERPATIH NI WAN?

WAN: SETELAH MERISIK, BARULAH DIJALANKAN PERINGKAT KEDUA IAITU MEMINANG. SEMASA ADAT MEMINANG PIHAK LELAKI AKAN MENGHANTAR CINCIN UNTUK MENDAPATKAN PENGESAHAN DARIPADA PIHAK PEREMPUAN. PIHAK LELAKI BIASANYA DIWAKILI OLEH LELAKI DEWASA YANG MERUPAKAN SUAMI KEPADA IBU SAUDARA BAKAL PENGANTIN PEREMPUAN. SEMENDA ATAU WAKIL PIHAK LELAKI PADA PERINGKAT INI ADALAH ORANG YANG DIPERCAYAI OLEH IBU BAPA ATAU KELUARGA PIHAK LELAKI DAN PERBINCANGAN AKAN DILAKUKAN UNTUK MENDAPATKAN PENGESAHAN SAMA ADA PINANGAN DITERIMA ATAU TIDAK.

WAN: MAJLIS DIMULAKAN DENGAN KEDATANGAN ROMBONGAN DARIPADA PIHAK LELAKI YANG DIKETUAI OLEH TUA KADIM DAN TOK ADAT SETEMPAT. MAJLIS KENDURI JUGA DIADAKAN SEMPENA PERTUNANGAN TERSEBUT DI RUMAH PIHAK PEREMPUAN.

WAN: HANTARAN TERDIRI DARIPADA TEPAK SIREH ATAU SIREH JUNJUNG SEBAGAI BINGKISAN UTAMA, SEBENTUK CINCIN DAN HANTARAN LAIN TERMASUK BUNGA RAMPAI, KUIH MUIH DAN PAKAIAN.

WAN: SELALUNYA ORANG YANG MEMBAWA **TEPAK SIRIH** IALAH ORANG SEMENDA YANG TELAH BERUMUR. BELIAULAH YANG AKAN MENJADI JURUACARA PIHAK LELAKI SEMASA ISTIADAT MENYAMPAIKAN CINCIN KEPADA PIHAK PEREMPUAN.

WAN: DI SESETENGAH KAWASAN DI NEGERI SEMBILAN NI SEMASA KEDATANGAN ROMBONGAN PIHAK LELAKI ITU DISAPA SECARA BERPANTUN.

WAN: UPACARA DIMULAKAN DENGAN WAKIL PIHAK LELAKI MENYERAHKAN TEPAK SIREH KEPADA WAKIL PIHAK PEREMPUAN DAN MENYATAKAN LAMARAN SECARA RASMI. PANTUN ATAU PEPATAH-PETITIH DIGUNAKAN DALAM UPACARA INI.

WAN: WAKIL PIHAK LELAKI AKAN DUDUK DI RUANG ADAT DAN BERHADAPAN DENGAN WAKIL PIHAK PEREMPUAN. SEGALA PERALATAN MEMINANG AKAN DISERAHKAN KEPADA WAKIL BERKENAAN.

WAN: ISTIADAT INI AKAN DIMULAKAN OLEH WAKIL PIHAK PEREMPUAN SEBAGAI TUAN RUMAH DENGAN BERPANTUN. PANTUN INI AKAN DIJAWAB OLEH PIHAK LELAKI.MEREKA AKAN SALING BERBALAS PANTUN.

WAN: KEDUA-DUA WAKIL AKAN BERSALAMAN DENGAN MENGGUNAKAN KEDUA-DUA BELAH TANGAN.SAMBIL BERSALAMAN WAKIL PIHAK LELAKI AKAN BERPANTUN.SELEPAS BERSALAMAN WAKIL PIHAK LELAKI AKAN MENGHULLURKAN TEPAK SIRIH DENGAN MENGHALAKAN KEPALA TEPAK SAMBIL BERPANTUN.TEPAK SIRIH PUN DISORONGKAN KEPADA WAKIL PIHAK PEREMPUAN YANG AKAN MENYAMBUUTNYA.BELIAU AKAN MEMBUKA IKATAN TEPAK SIRIH ITU DENGAN

BERHATI HATI PERLAHAN LAHAN DAN SATU-SATU. SELEPAS TERBUKA SEMUA IKATAN BELIAU AKAN MENGAPUR SIRIH SAMBIL BERPANTUN.

ANA: WAH..LAGI-LAGI?

WAN: MEMAKAN DAUN SIREH MERUPAKAN SATU KEMESTIAN BAGI MASYARAKAT TERDAHULU. PADA MASA MEREKA BERTUKAR TUKAR TEPAK SIRIH KEDUA DUA PIHAK AKAN BERGURAU SENDA MELALUI PANTUN. MISALNYA, SEMASA WAKIL PIHAK LELAKI MENCOLEK KAPUR, WAKIL PEREMPUAN AKAN BERPANTUN. BEGITULAH MEREKA AKAN BERBALAS PANTUN BAGI MEMBERITAHU TUJUAN MEREKA.

WAN: BEKAS BERISI CINCIN PEMINANGAN DISORONGKAN KEPADA WAKIL PIHAK PEREMPUAN, DAN MENERIMANYA DENGAN TERTIB. MEREKA AKAN BERSALAMAN DAN CINCIN TANDA ITU AKAN DIEDARKAN DI KALANGAN AHLI WARIS KELUARGA PIHAK PEREMPUAN. PIHAK PEREMPUAN AKAN MENELITI CINCIN BERKENAAN.

WAN: SEMENTARA ITU, WAKIL-WAKIL PIHAK LELAKI DAN PEREMPUAN AKAN TERUS BERUNDING DAN BERBINCANG TENTANG PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN HARI LANGSUNG TERMASUKLAH MAS KAHWIN, TEMPOH PERTUNANGAN DAN HARI AKAD NIKAH.

WAN: JOM KITA MINUM DULU..WAN DAHAGA NI..KEJAP LAGI KITA SAMBUNG.

ANA: WAN JOM SAMBUNG

WAN: KEMUDIAN ACARA KEMUNCAK DIJALANKAN OLEH IBU ATAU SAUDARA PEREMPUAN PIHAK LELAKI MENYARUNGKAN CINCIN PERTUNANGAN ATAU CINCIN TANDA KE JARI MANIS KEPADA BAKAL PENGANTIN PEREMPUAN.

WAN: SELEPAS SELESAI SEGALA PERUNDINGAN, HIDANGAN MAKANAN DISAJIKAN. TERDAPAT PERBEZAAN TAU ANTARA HIDANGAN UNTUK KETUA ADAT DENGAN ANAK BUAH (ORANG BIASA) DULANG BEKAS KETUA ADAT ADALAH ISTIMEWA DAN MESTILAH DITUTUP DENGAN TUDUNG SAJI YANG DILETAKKAN **TUDUNG ENDANG.**

ANA: YA ALLAH WAN. BANYAK BETUL YA PROSES MEMINANG NI YA..

WAN: BEGITULAH, ANA. ITULAH KEISTIMEWAAN ADAT PERPATIH. LAIN DARIPIADA YANG LAIN.

ATUK: BETUL ANA..ITULAH KEISTIMEWAANNYA..TAPI ADAT PERPATIH NI, TAK RAMAI YANG TAHU.

WAN: KAMU DAH FAHAM KE ANA?



ANA: DAH WAN...NANTI ANA NAK JUGA BUAT MAJLIS MACAM NI BOLEH?

WAN: BOLEH APA SALAHNYA...


MEREKA BERTIGA BERGELAK TAWA..

TAMAT


4.2.1.8 REKABENTUK KONSEP



MALAYSIA
KELANTAN




KELANTAN





Rajah 4.2.1.8.1 : Rekabentuk konsep



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.1.9 PENGHASILAN ANIMASI DUA DIMENSI



KELANTAN





KELANTAN







Rajah 4.2.1.9.1: Penghasilan Animasi 2D di Adobe Premier Pro


KELANTAN

4.2.2 PASCA PRODUKSI (EDITING)

4.2.2.1 PENYUNTINGAN VIDEO ANIMASI 2D







Rajah 4.2.2.1.1: PENYUNTINGAN VIDEO ANIMASI 2D

4.3 KESIMPULAN

Proses untuk menghasilkan animasi yang berkonsepkan sejarah dengan menggunakan animasi 2D sebagai proses utama bukanlah sesuatu yang mudah. Namun ianya tidak mustahil untuk dihasilkan. Pelbagai peringkat perlu dilalui dalam proses pembuatan dilakukan sebelum produk akhir ini dapat dihasilkan. Selain itu, animasi 2D ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dihasilkan. Pengkaji perlu mendapatkan maklumat yang benar-benar sahih untuk membangunkan animasi yang berkaitan dengan adat pinang-meminang ini. Semoga, dengan kewujudan animasi 2 dimensi (2D) ini, ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya masyarakat ni Negeri Sembilan khususnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dan kesimpulan yang melengkapinya segala hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Setiap permulaan pasti ada pengakhirannya. Maka, segala dapatan kajian yang berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji akan disimpulkan dalam bab ini sebagai tanda pengakhiran bagi kajian yang dilakukan. Dalam pada itu juga, cadangan dan juga pendapat akan dikemukakan dalam bab ini. Sebagai satu proses penambahbaikan terhadap semua perkara yang dikaji dan juga dibahaskan dalam kajian. Hal ini demikian kerana, kajian penyelidikan ini bertujuan untuk memastikan segala kefahaman terhadap tajuk kajian yang dipilih berjaya dan mampu diaplikasikan dalam keadaan yang seiring dengan kemajuan.

5.1 CADANGAN

Setiap cadangan dan pendapat yang dikemukakan dalam bab ini adalah pandangan serta cetusan idea dari pemikiran pengkaji terhadap segala dapatan kajian. Umumnya, adat perpatih masih dikenali oleh masyarakat terutamanya golongan tua. Golongan ini masih mengetahui dan mengamalkan adat perpatih. Namun tidak bagi golongan muda. Pengkaji akan memberi sedikit cadangan yang mungkin boleh diguna pakai untuk masa akan datang.

5.1.1 PERANAN MEDIA MASSA

Kita sedia maklum. Media massa mampu mempengaruhi minda manusia dengan mudah. Maka media massa perlulah memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat yang baik serta positif. Peranan media massa juga adalah memberikan maklumat yang sahih dalam menyampaikan sesuatu penerangan melalui akhbar, berita, iklan, dan pelbagai jenis lagi media massa yang boelh digunakan pada zaman sekarang. Selain itu juga media massa perlulah mengeluarkan cerita yang berunsurkan sejarah dan adat di setiap negeri. Dari situ, ia dapat menarik minat masyarakat untuk menontonnya.

5.1.2 PERANAN MASYARAKAT

Masyarakat juga perlu memainkan peranan yang penting untuk memartabatkan kembali adat. Di Negeri Sembilan, kebiasaan mereka masih mengamalkan adat perpatih terutamanya golongan berusia. Namun, bagi golongan muda pula sebaliknya. Kebanyakan mereka tidak didedahkan dengan cara dan bagaimana adat itu dilaksanakan. Menyebabkan golongan muda kurang berpengetahuan dalam adat. Masyarakat yang masih mengamalkan adat perpatih perlulah membuat pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai golongan berkaitan dengan adat perpatih. Kesannya, adat perpatih ini mampu dikenali oleh pelbagai usia dan adat ini tidak dilupakan oleh masyarakat.

5.2 KESIMPULAN

Melalui kajian yang telah dihasilkan ini, dapat disimpulkan bahawa masih ramai masyarakat di Negeri Sembilan yang mengamalkan adat perpatih. Namun kesemua mereka adalah golongan yang berusia. Manakala golongan muda pula tidak mengambil peduli tentang adat turun-temurun ini menyebabkan mereka kurang berpengetahuan tentang adat perpatih. Sebagai rumusan akhir, pengkaji mendapati penggunaan medium animasi 2 dimensi (2D) mampu menyampaikan maklumat dan menarik minat masyarakat untuk mengambil tahu tentang adat ini. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengumpul data yang sahih untuk pembangunan animasi 2 dimensi yang berkaitan dengan adat pinang-meminang dalam adat perpatih. Diharapkan agar animasi yang dibangunkan ini mampu dijadikan rujukan oleh masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Sembilan dalam menjadikan ianya sumber rujukan dalam kehidupan.

RUJUKAN

Ahmad, S., Kosman, K. A., Abdullah, S. Y., & Gaman, M. N. A. (2019). TERAS ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SATU KEUNIKAN IDENTITI WARISAN BANGSA ('ADAT PERPATIH'NEGERI SEMBILAN AS A UNIQUE IDENTITY OF NATIONAL HERITAGE). *ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE*, 3(2).

Amirul Haswendy Ashari. (2018). Kisah adat Perpatih.25 Jun 2018. <https://www.hmetro.com.my/rap/2018/06/351629/kisah-adat-perpatih>

bin Paharul Rozi, N. R., & Amirrul, A. A. (2020). APRESIASI BORIA DALAM ANIMASI UPIN & IPIN: EPISOD BORIA SUKA-SUKA: BORIA APPRECIATION IN UPIN & IPIN ANIMATION: SUKA-SUKA BORIA EPISODES. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.

Hat, N. C., Sha'ari, S. H., & Hamid, M. F. A. (2013). Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa arab. *Sains Humanika*, 63(1).

Ishak, M. S., Kasim, A., Ismail, A., & Hamid, N. A. (2018). TEORI DALAM PENYELIDIKAN MEDIA: ANALISIS TAHUN 2002 HINGGA 2012. *e-BANGI*, 13(1), 1-20.

Madar, A. R. (2009). *Keberkesanan animasi grafik dalam kalangan pelajar berbeza gaya icognitif dan kebolehan visualisasi spatial di politeknik* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Nasir, N. Y. M., Bujang, R., & Hussain, E. M. (2016). Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.

Nasohah, U. N., Gani, M. I. B. A., & Shaid, N. B. M. S. (2015). Model ADDIE dalam proses reka bentuk modul pengajaran: Bahasa Arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. In Makalah disajikan dalam Proceedings of the International Seminar on Language Teaching tanggal (pp. 4-5).

Salleh, R. B. M. (2017). Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. *Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.*

Talib, N. S. A., Awang, M. M., Ghani, K. A., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 86-98.

Unknown. (2015). Adat perkahwinan mengikut negeri.6 Disember 2015, <http://malysiakuterbilang.blogspot.com/2015/12/adat-perkahwinan-mengikut-negeri.html>

Zain, M. N. M., Ahmad, C. M., & Kusrin, Z. M. (2012). Perkahwinan Adat Rembau, Negeri Sembilan, dalam Penulisan CWC Parr dan WH Mackray. *Jurnal Melayu*, 9.

<https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/166>. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan.

Ibrahim, N. H. (2007). *PERKAHWINAN ADAT DI NEGERI SEMBILAN.*